

AGENDA PERBANDARAN BAHARU



Translation accuracy is not guaranteed nor implied. If any questions arise related to the accuracy of the information contained in the translation, please refer to the New Urban Agenda document endorsed by the General Assembly (A/RES/71/256*) which is the official version of the document. Any discrepancies or differences created in the translation are not binding and have no legal effect for compliance or enforcement purposes.

The translation of the document is a courtesy of the Government of Malaysia.



AGENDA PERBANDARAN BAHARU



United Nations

KATA PENGANTAR

KATA PENGANTAR

Agenda Perbandaran Baharu merupakan wawasan bersama untuk masa depan yang lebih baik dan lebih mampan - di mana semua orang mempunyai hak dan akses sama rata kepada manfaat dan peluang yang bandar boleh tawarkan, dan di mana masyarakat antarabangsa menimbang semula sistem bandar dan bentuk fizikal ruang bandar kita untuk mencapai matlamat ini.

Dalam era peningkatan pembandaran yang tidak pernah berlaku sebelum ini, dan dalam konteks Agenda Untuk Pembangunan Mampan 2030, Perjanjian Paris, dan perjanjian pembangunan dan rangka kerja global yang lain, kita telah sampai ke satu tahap kritikal dalam memahami bahawa bandar-bandar boleh menjadi sumber penyelesaian, dan bukan punca kepada pelbagai cabaran yang sedang dihadapi dunia kita hari ini. Jika dirancang dan diurus dengan baik, pembandaran boleh menjadi alat yang berkuasa untuk pembangunan mampan bagi negara membangun dan juga maju.

Agenda Perbandaran Baharu itu menawarkan satu anjakan paradigma berdasarkan sains bandar; ia membentangkan standard dan prinsip untuk perancangan, pembinaan, pembangunan, pengurusan, dan peningkatan kawasan bandar di samping lima tunggak utama pelaksanaan: dasar negara bandar, undang-undang dan peraturan bandar, perancangan dan reka bentuk bandar, ekonomi tempatan dan kewangan perbandaran dan pelaksanaan tempatan. Ia adalah sumber untuk setiap peringkat kerajaan, dari negara hingga tempatan; untuk organisasi masyarakat awam; sektor swasta; kumpulan konstituen; dan untuk semua yang memanggil ruang bandar dunia itu "rumah" bagi merealisasikan wawasan ini.

Agenda Perbandaran Baharu itu menggabungkan pengiktirafan baru pertalian antara pembandaran yang baik dan pembangunan. Ia menggariskan hubungan antara pembandaran yang baik dan penciptaan peluang pekerjaan, peluang mata pencarian, dan peningkatan kualiti hidup, yang perlu dimasukkan ke dalam setiap dasar dan strategi pembaharuan bandar. Ia menonjolkan hubungan antara Agenda Perbandaran Baharu dan Agenda Pembangunan Mampan 2030, terutama Matlamat 11 mengenai bandar dan masyarakat mampan.

Negara-negara anggota; pertubuhan antara kerajaan; Program Penempatan Manusia Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB-Habitat) dan lebih daripada 40 agensi, dana dan program Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu; 200 pakar Unit Dasar dengan 20 pertubuhan peneraju bersama; 16 rakan kongsi kumpulan konstituen Perhimpunan Agung Rakan Kongsi; beribu-ribu kerajaan subnasional dan tempatan dan semua rangkaian utama kerajaan tempatan dan serantau yang diselaraskan oleh Pasukan Petugas Global bagi Kerajaan Tempatan dan Wilayah; 197 negara peserta; lebih 1,100 pertubuhan; dan lebih daripada 58,000 rangkaian terlibat dalam persiapan Agenda Perbandaran Baharu. Input pakar dan pihak berkepentingan ini membentuk asas draf sifar dokumen ini dan maklum balas selanjutnya telah saling tukar dengan negara anggota semasa pembicaraan tidak rasmi dengan kerajaan tempatan dan pihak berkepentingan, dan diambil kira sepanjang rundingan antara kerajaan yang diadakan sebelum Persidangan, di mana Agenda Perbandaran Baharu telah diterima sepenuhnya.

Pendekatan penyertaan ini dilanjutkan ke dalam rangka kerja Persidangan Habitat III di Quito, Ecuador, yang kini secara meluas dianggap sebagai antara persidangan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu yang paling inklusif dan inovatif. Bersama dengan sesi pleno antara kerajaan dan perbincangan meja bulat peringkat tinggi ialah perhimpunan, yang membuka dan merangka Persidangan itu dengan memberi ruang kepada

kumpulan konstituen, begitu juga perbincangan meja bulat pihak berkepentingan, sesi khas, dialog, dan acara-acara lain yang dianjurkan oleh pelbagai pertubuhan dan rakan kongsi sepanjang Persidangan ini. Ia seterusnya memaksimumkan penyertaan ini dan memberi tumpuan kepada pelaksanaan prinsip-prinsip, dasar-dasar dan tindakan untuk pembangunan bandar yang mampan dengan memasukkan Pavilion Satu PBB untuk mempamer dan membolehkan kerjasama antara agensi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, Pameran Habitat III untuk menyerlahkan inovasi organisasi bebas, dan Kampung Habitat III untuk memberikan contoh penyelesaian bandar melalui campur tangan sebenar di peringkat kejiranan.


Persidangan Habitat III dan bandaraya Quito telah menyambut 30,000 peserta daripada 167 negara, dengan platform dalam talian dan alat-alat yang membolehkan orang ramai di seluruh dunia untuk mengikuti acara utama dalam talian; ia menyaksikan realisasi bersejarah prinsip keterangkuman, termasuk pertimbangan keseimbangan jantina dan wilayah pada semua panel; pembabitan pemimpin akar umbi; Perhimpunan Kerajaan Tempatan dan Wilayah Dunia Kedua, yang memberikan suara kepada kerajaan tempatan dan subnasional; serta penglibatan pelbagai kumpulan pihak berkepentingan, yang semuanya mempunyai peranan penting dalam pelaksanaan wawasan bersama ini.

Adalah satu penghormatan besar kepada saya untuk menjadi Setiausaha Agung Persidangan. Saya ingin mengucapkan terima kasih dan tahniah kepada Republik Ecuador berikutan hospitaliti dan usaha sebagai negara tuan rumah Persidangan Habitat III itu. Saya juga mengucapkan terima kasih kepada ahli-ahli Biro Jawatankuasa Persediaan yang membimbing keseluruhan proses, fasilitator bersama rundingan tidak rasmi antara kerajaan bagi Agenda Perbandaran Baharu, dan delegasi rasmi yang terlibat dalam rundingan ini, dan juga kerajaan dan bandar-bandar yang menjadi tuan rumah mesyuarat dan sesi serantau dan tematik Jawatankuasa Persediaan Habitat III, selain daripada anggota dan pemimpin bersama Unit-Unit

Dasar, Pasukan Petugas mengenai Habitat III Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, Perhimpunan Agung Rakan Kongsi, Pasukan Petugas bagi Kerajaan Tempatan dan Wilayah Global, dan organisasi lain yang memerhati rundingan dan seterusnya menyumbang kepada draf Agenda Perbandaran Baharu.

Saya juga mengucapkan terima kasih kepada semua kakitangan yang bekerja keras untuk memastikan bahawa kepakaran dan suara ribuan penyumbang seluruh dunia telah diperkuatkan dan dibawa ke halaman ini.

Tiada preskripsi tunggal untuk meningkatkan pembandaran dan mencapai pembangunan bandar yang mampan, tetapi Agenda Perbandaran Baharu menawarkan prinsip-prinsip dan amalan teruji untuk merealisasikan wawasannya, di luar halaman ini dan menjadi kenyataan. Semoga ia memberi inspirasi dan makluman kepada pembuat keputusan dan penduduk bandar di dunia untuk mengambil pemilikan masa depan bandar bersama: satu dasar, undang-undang, pelan, reka bentuk, atau projek pada satu masa. Pada ketika yang kritikal dalam sejarah manusia, memikirkan semula cara kita merancang, membina, dan menguruskan ruang bandar kita bukan satu pilihan tetapi sesuatu yang penting. Kerja-kerja kita untuk merealisasikan wawasan ini bermula dari sekarang..



Dr. Joan Clos

Setiausaha Agung Persidangan Mengenai Perumahan
dan Pembangunan Bandar Mampan Pertubuhan
Bangsa-Bangsa Bersatu - Habitat III

ISI KANDUNGAN

Kata Pengantar	iii
Agenda Perbandaran Baharu	1
Deklarasi Quito mengenai Bandar Raya dan Penempatan	
Manusia Mampan untuk semua.....	2
Pelan Pelaksanaan Quito untuk Agenda Perbandaran Baharu	12
Penghargaan	49

AGENDA PERBANDARAN BAHARU

DEKLARASI
QUITO
MENGENAI
BANDAR
RAYA DAN
PENEMPATAN
MANUSIA
MAMPAN
UNTUK
SEMUA

1. Kami, Ketua-Ketua Negara dan Kerajaan, Menteri dan Wakil Tinggi, telah berkumpul di Persidangan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu mengenai Perumahan dan Pembangunan Bandar Mampan (Habitat III) dari 17-20 Oktober 2016 di Quito, Ecuador, dengan penyertaan sub-nasional dan kerajaan tempatan, ahli-ahli Parlimen, masyarakat awam, penduduk asal dan masyarakat tempatan, sektor swasta, profesional dan pengamal, masyarakat saintifik dan akademik, dan pihak berkepentingan yang lain yang berkaitan, untuk menerima pakai Agenda Perbandaran Baharu.

2. Menjelang tahun 2050 penduduk bandar dunia dijangka meningkat hampir dua kali ganda, menjadikan pembandaran satu daripada trend yang paling transformatif abad ke-21. Ketika penduduk, aktiviti ekonomi, interaksi sosial dan budaya, serta kesan alam sekitar dan kemanusiaan semakin tertumpu di bandar-bandar, ini menimbulkan cabaran kemampanan besar-besaran dari segi perumahan, infrastruktur, perkhidmatan asas, jaminan makanan, kesihatan, pendidikan, pekerjaan yang baik, keselamatan dan sumber semula jadi, antara lain.

3. Sejak Persidangan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu mengenai Penempatan Manusia di Vancouver pada tahun 1976 dan di Istanbul pada tahun 1996, dan menerima pakai Matlamat Pembangunan Milenium pada tahun 2000, kami telah melihat peningkatan dalam kualiti hidup berjuta-juta penduduk bandar, termasuk setinggan dan penghuni penempatan tidak formal. Bagaimanapun, kewujudan berterusan pelbagai bentuk kemiskinan, ketidaksamaan yang semakin meningkat, dan kemerosotan alam sekitar, kekal menjadi antara halangan utama kepada pembangunan mampan di seluruh dunia, dengan pengecualian sosial dan ekonomi dan pengasingan ruang sering menjadi realiti yang tidak boleh disangkal di bandar-bandar dan penempatan manusia.

4. Kami masih jauh daripada menangani isu ini secukupnya dan cabaran yang sedia ada dan sedang muncul; dan terdapat keperluan untuk mengambil kesempatan daripada peluang-peluang pembandaran sebagai enjin pertumbuhan ekonomi yang mampan dan inklusif, pembangunan sosial dan budaya, dan perlindungan alam sekitar, dan potensi sumbangannya kepada pencapaian pembangunan transformatif dan mampan.

5. Dengan mengkaji semula cara bandar-bandar dan penempatan manusia dirancang, direka bentuk, dibiayai, dibangun, ditadbir dan diurus, Agenda Perbandaran Baharu akan membantu untuk menamatkan kemiskinan dan kelaparan dalam segala bentuk dan dimensi, mengurangkan ketidaksamaan, menggalakkan pertumbuhan ekonomi yang inklusif dan mampan, mencapai kesaksamaan jantina dan memperkasa wanita dan kanak-kanak perempuan, dalam usaha untuk memanfaatkan sepenuhnya sumbangan penting mereka kepada pembangunan mampan, meningkatkan kesihatan dan kesejahteraan manusia serta memupuk daya tahan dan melindungi alam sekitar.

6. Kami mengambil kira sepenuhnya pencapaian penting pada tahun 2015, khususnya Agenda Pembangunan Mampan 2030¹, termasuk Matlamat Pembangunan Mampan (SDG), dan Agenda Tindakan Addis Ababa di Persidangan Antarabangsa Ketiga Mengenai Pembiayaan Untuk

¹ Resolusi 70/1.

Pembangunan², Perjanjian Paris diterima pakai di bawah Konvensyen Rangka Kerja Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) mengenai Perubahan Iklim (UNFCC)³, Rangka Kerja Sendai bagi Pengurangan Risiko Bencana 2015-2030⁴, Program Tindakan Vienna Bagi Negara-Negara Daratan Membangun untuk Dekad 2014-2024⁵, Tindakan Mempercepat Modaliti Negara Kepulauan Kecil Membangun (SAMOA)⁶ dan Program Tindakan Istanbul untuk negara mundur untuk 2011-2020⁷. Kami juga mengambil kira Deklarasi Rio mengenai Alam Sekitar dan Pembangunan⁸, Sidang Kemuncak Dunia mengenai Pembangunan Mampan, Sidang Kemuncak Dunia untuk Pembangunan Sosial, Persidangan Antarabangsa mengenai Penduduk dan Pembangunan Program Tindakan⁹, Platform Beijing untuk Tindakan¹⁰, dan Persidangan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu mengenai Pembangunan mampan dan susulan kepada persidangan terbabit.

7. Walaupun menyedari bahawa ia tidak mempunyai hasil yang dipersetujui antara kerajaan, kami mengambil perhatian Sidang Kemuncak Kemanusiaan Dunia pada Mei 2016 di Istanbul.

8. Kami mengakui sumbangan kerajaan negara, serta sumbangan kerajaan sub-nasional dan tempatan, dalam takrif Agenda Perbandaran Baharu dan mengambil perhatian terhadap Perhimpunan Kerajaan Tempatan dan Wilayah Dunia kedua.

9. Agenda Perbandaran Baharu Ini mengesahkan lagi komitmen global kami kepada pembangunan bandar yang mampan sebagai langkah kritikal bagi merealisasikan pembangunan mampan secara bersepadu dan terselaraskan pada tahap global, serantau, nasional, subnasional serta tempatan, dengan penyertaan semua peserta berkaitan. Pelaksanaan Agenda Perbandaran Baharu menyumbang kepada pelaksanaan dan penyetempatan Agenda Pembangunan Mampan 2030 secara bersepadu, dan kepada pencapaian Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) dan sasaran, termasuk SDG 11 bagi menjadikan bandar dan penempatan manusia inklusif, selamat, berdaya tahan, dan mampan.

10. Agenda Perbandaran Baharu itu mengakui bahawa budaya dan kepelbagaian budaya adalah sumber pengayaan bagi manusia dan memberikan sumbangan penting kepada pembangunan mampan bandar-bandar, penempatan manusia, dan rakyat, memberi kuasa kepada mereka untuk memainkan peranan yang aktif dan unik dalam pelbagai inisiatif pembangunan; dan seterusnya

² Resolusi 69/313, Lampiran.

³ Lihat FCCC/CP/2015/10 Tambahan 1, Keputusan 1/CP.21, Lampiran.

⁴ Resolusi 69/283 Lampiran II.

⁵ Resolusi 69/137, Lampiran II.

⁶ Resolusi 69/15, Lampiran.

⁷ Lampiran ke 4, Persidangan Bangsa-bangsa Bersatu Mengenai Negara Kurang Membangun, Istancuk Turki 9-13 Mei 2011 (A/CONF.219/7) Perkara II.

⁸ Laporan Persidangan Bangsa-Bangsa Bersatu Mengenai Alam Sekitar dan Pembangunan, Rio De Janeiro 3-14 Jun 1992 Vol 1, Resolusi Diadaptasi Persidangan (Terbitan Bangsa-bangsa Bersatu, No Jualan E.93.1.8 dan *corrigendum*), resolusi 1, lampiran 1.

⁹ Laporan Persidangan Antarabangsa mengenai Kependudukan dan Pembangunan, Cairo 5-13 September 1994 (Terbitan Bangsa-bangsa Bersatu, No Jualan E.95. XIII.18 Bab 1, resolusi 1, lampiran.

¹⁰ Laporan ke 4 Persidangan Sedunia Mengenai Wanita, Beijing 5-15 September 1995, Terbitan Bangsa-bangsa Bersatu No Jualan E.96.IV.13), Bab 1 resolusi 1, lampiran II.

mengakui bahawa budaya perlu diambil kira dalam promosi dan pelaksanaan corak baharu penggunaan dan pengeluaran mampan yang menyumbang kepada penggunaan sumber yang bertanggungjawab dan menangani kesan buruk perubahan iklim.

Wawasan bersama

11. Kami berkongsi wawasan bandar untuk semua, merujuk kepada penggunaan dan keceriaan bandar dan penempatan manusia yang sama, yang cuba menggalakkan keterangkuman dan memastikan semua penduduk, generasi masa kini dan masa depan, tanpa sebarang bentuk diskriminasi, dapat mendiami dan menghasilkan bandar dan penempatan manusia yang adil, selamat, sihat, boleh diakses, berpatutan, berdaya tahan, dan mampan, untuk memupuk kemakmuran dan kualiti hidup untuk semua. Kami perhatikan usaha beberapa negara dan kerajaan tempatan untuk menyemadikan wawasan ini, yang dirujuk sebagai hak kepada bandar, dalam perundangan, perisytiharan politik dan piagam mereka.

12. Kami berhasrat untuk membangunkan bandar-bandar dan penempatan manusia di mana semua orang dapat menikmati hak dan peluang yang sama, dan juga kebebasan asasi mereka, dipandu oleh matlamat dan prinsip-prinsip Piagam Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, termasuk menghormati sepenuhnya undang-undang antarabangsa. Dalam hal ini, Agenda Perbandaran Baharu adalah berasaskan Deklarasi Hak Asasi Manusia Sejagat¹¹, perjanjian hak asasi manusia antarabangsa, Deklarasi Milenium¹², dan Keputusan Sidang Kemuncak Dunia 2005¹³. Ia diterangkan oleh instrumen lain seperti Deklarasi Hak Kepada Pembangunan¹⁴.

13. Kami mengharapkan bandar-bandar dan penempatan manusia yang:

(a) memenuhi fungsi sosial mereka, termasuk fungsi sosial dan ekologi tanah, dengan tujuan untuk beransur-ansur mencapai realisasi sepenuhnya hak kepada perumahan yang mencukupi, sebagai komponen hak untuk taraf kehidupan yang cukup, tanpa diskriminasi, akses sejagat kepada air minum dan sanitasi yang selamat dan berpatutan serta akses yang sama untuk semua barangan dan perkhidmatan awam berkualiti dan bidang seperti jaminan makanan dan pemakanan, kesihatan, pendidikan, infrastruktur, mobiliti dan pengangkutan, tenaga, kualiti udara, dan sumber penghidupan;


(b) adalah bersifat penyertaan, menggalakkan penglibatan sivik, melahirkan semangat kekitaan dan pemilikan di kalangan semua penduduk mereka, mengutamakan kawasan awam yang selamat, inklusif, boleh diakses, hijau, dan berkualiti, mesra untuk keluarga, meningkatkan interaksi sosial dan antara generasi, ungkapan budaya, dan penyertaan politik, sebagaimana yang sesuai, dan memupuk perpaduan sosial, rangkuman, dan keselamatan dalam masyarakat

¹¹ Resolusi 217 A (III).

¹² Resolusi 55/2.

¹³ Resolusi 60/1.

¹⁴ Resolusi 41/128, lampiran.



aman dan pluralistik di mana keperluan semua penduduk dipenuhi, mengiktiraf keperluan khusus bagi mereka dalam keadaan lemah;

(c) mencapai kesaksamaan jantina dan memperkasakan wanita dan kanak-kanak perempuan, memastikan penyertaan penuh dan berkesan wanita dan hak sama rata dalam semua bidang dan dalam kepimpinan di semua peringkat membuat keputusan, dan dengan memastikan kerja-kerja yang baik dan gaji yang sama bagi kerja yang sama, atau kerja dengan nilai yang sama untuk semua wanita, serta mencegah dan menghapuskan segala bentuk diskriminasi, keganasan, dan gangguan terhadap wanita dan kanak-kanak perempuan di ruang awam dan swasta;

(d) memenuhi cabaran dan peluang masa kini dan masa depan yang mampan, inklusif, dan pertumbuhan ekonomi yang mampan, memanfaatkan pempandaran untuk perubahan struktur, produktiviti yang tinggi, aktiviti nilai ditambah, dan kecekapan sumber, memanfaatkan ekonomi tempatan, mengambil perhatian terhadap sumbangan ekonomi tidak rasmi di samping menyokong peralihan mampan kepada ekonomi formal;

(e) memenuhi fungsi wilayah mereka merentasi sempadan pentadbiran, dan bertindak sebagai hab dan pemacu untuk pembangunan bandar dan wilayah mampan dan bersepadu yang seimbang di semua peringkat;

(f) menggalakkan perancangan dan pelaburan responsif umur dan jantina dan untuk mobiliti bandar yang mampan, selamat, dan boleh diakses untuk semua dan sistem pengangkutan yang cekap sumber untuk penumpang dan kargo, dengan menghubungkan penduduk, tempat, barangan, perkhidmatan dan peluang ekonomi;

(g) menerima pakai dan melaksanakan pengurangan dan pengurusan risiko bencana, mengurangkan kelemahan, membina daya tahan dan daya responsif kepada bencana semula jadi dan buatan manusia, dan memupuk pengurangan dan penyesuaian kepada perubahan iklim;

(h) melindungi, memelihara, memulih, dan menggalakkan ekosistem mereka, air, habitat semula jadi, dan biodiversiti, mengurangkan kesan alam sekitar mereka, dan berubah kepada corak penggunaan dan pengeluaran mampan.

Prinsip dan komitmen kami

14. Untuk mencapai wawasan kami, kami berazam untuk mengamalkan Agenda Perbandaran Baharu berpandukan prinsip yang saling berkait berikut:

(a) Tiada sesiapa tertinggal di belakang, dengan menghapuskan kemiskinan dalam segala bentuk dan dimensi, termasuk pembasmian kemiskinan ekstrem, dengan menjamin hak-hak

dan peluang sama rata, kepelbagaian sosio-ekonomi dan budaya, integrasi dalam ruang bandar, meningkatkan kesesuaian untuk didiami, pendidikan, jaminan makanan dan pemakanan, kesihatan dan kesejahteraan diri; termasuk dengan menamatkan wabak AIDS, batuk kering dan malaria, menggalakkan keselamatan dan menghapuskan diskriminasi dan segala bentuk keganasan; memastikan penyertaan awam yang menyediakan akses selamat dan sama rata untuk semua; dan menyediakan akses sama rata untuk semua infrastruktur fizikal dan sosial dan perkhidmatan asas serta perumahan yang mencukupi dan berpatutan.

(b) ekonomi bandar yang mampan dan inklusif, dengan memanfaatkan pelbagai faedah pembandaran terancang, produktiviti yang tinggi, daya saing dan inovasi; menggalakkan guna tenaga penuh dan produktif dan kerja yang bersesuaian untuk semua, memastikan peluang pekerjaan yang baik dan akses yang sama untuk semua kepada sumber dan peluang ekonomi yang produktif; mencegah spekulasi tanah; dan menggalakkan pemilikan tanah selamat dan menguruskan pengecutan bandar di mana sesuai.

(c) kemampanan alam sekitar, dengan menggalakkan tenaga bersih, penggunaan tanah dan sumber secara mampan dalam pembangunan bandar serta melindungi ekosistem dan biodiversiti, termasuk mengamalkan gaya hidup sihat yang harmoni dengan alam semula jadi; menggalakkan penggunaan dan corak pengeluaran mampan; membina daya tahan bandar; mengurangkan risiko bencana; dan mengurangkan serta menyesuaikan diri dengan perubahan iklim.

15. Kami komited untuk bekerja ke arah anjakan paradigma bandar untuk Agenda Perbandaran Baharu yang akan:

(a) Mengkaji semula cara kita merancang, membiayai, membangun, mentadbir, dan menguruskan bandar-bandar dan penempatan manusia, mengiktiraf pembangunan bandar dan wilayah yang mampan sebagai penting kepada pencapaian pembangunan mampan dan kemakmuran untuk semua;

(b) mengiktiraf peranan utama kerajaan negara, sebagaimana yang sesuai, dalam takrif dan pelaksanaan dasar bandar yang inklusif dan berkesan serta perundangan untuk pembangunan bandar yang mampan, dan sumbangan yang sama penting sub-nasional dan kerajaan tempatan, serta masyarakat awam dan pihak berkepentingan lain yang berkaitan, dengan cara yang telus dan bertanggungjawab;

(c) menerima pakai pendekatan mampan, mengutamakan masyarakat, responsif usia dan jantina dan bersepadu kepada pembangunan bandar dan wilayah dengan melaksanakan dasar, strategi, pembangunan kapasiti, dan tindakan di semua peringkat, berdasarkan pemacu asas perubahan termasuk:

(i) membangun dan melaksanakan dasar bandar pada tahap yang sesuai termasuk dalam perkongsian tempatan-nasional dan pelbagai pihak berkepentingan, membina sistem

bersepadu bandar dan penempatan manusia, menggalakkan kerjasama di kalangan semua peringkat kerajaan untuk membolehkan mereka mencapai pembangunan bersepadu bandar yang mampan;

(ii) mengukuhkan tadbir urus bandar, dengan institusi dan mekanisme yang memperkasa dan merangkumi pihak berkepentingan bandar, di samping memberi kuasa dan termasuk pemegang kepentingan bandar, serta periksa dan imbang yang sepatutnya, memberikan kebolehamalan dan kepaduan dalam rancangan pembangunan bandar bagi membolehkan penyertaan sosial dan pertumbuhan ekonomi dan perlindungan alam sekitar yang berterusan, inklusif dan mampan;

(iii) mencergaskan semula perancangan dan reka bentuk bersepadu bandar dan wilayah jangka panjang dalam usaha mengoptimumkan dimensi bentuk bandar bagi menghasilkan keputusan positif pembangunan;

(iv) menyokong rangka kerja dan instrumen pembiayaan yang berkesan, inovatif, dan mampan, membolehkan pengukuhan sistem kewangan perbandaran dan fiskal tempatan dalam usaha untuk mewujudkan, mengekalkan dan berkongsi nilai yang dijana oleh pembangunan bandar yang mampan secara inklusif.

Gesaan untuk tindakan

16. Walaupun keadaan tertentu bandar pelbagai saiz, bandar-bandar, dan kampung-kampung berbeza, kami mengesahkan bahawa Agenda Perbandaran Baharu adalah sejagat dalam skop, penyertaan, dan mengutamakan masyarakat, melindungi planet, dan mempunyai wawasan jangka panjang, yang menetapkan keutamaan dan tindakan di tahap global, serantau, nasional, sub-nasional dan tempatan yang kerajaan dan pihak berkepentingan lain di setiap negara boleh menggunakan pakai berdasarkan keperluan mereka.

17. Kami akan berusaha untuk melaksanakan Agenda Perbandaran Baharu ini dalam negara kami sendiri dan di peringkat serantau dan global, dengan mengambil kira realiti, kapasiti dan tahap pembangunan nasional yang berbeza, dan menghormati undang-undang dan amalan negara, serta dasar dan keutamaan.

18. Kami mengesahkan semua prinsip-prinsip Deklarasi Rio mengenai Alam Sekitar dan Pembangunan, termasuk, antara lain, prinsip tanggungjawab bersama tetapi berbeza, seperti yang dinyatakan dalam Prinsip 7.

19. Kami mengakui bahawa dalam melaksanakan Agenda Perbandaran Baharu, perhatian khusus perlu diberikan bagi pelbagai cabaran pembangunan bandar unik yang dihadapi semua negara terutama di negara membangun, termasuk negara di Afrika, negara mundur, negara daratan membangun, dan negara pulau kecil sedang membangun, serta pelbagai cabaran khusus yang



dihadapi oleh negara berpendapatan sederhana. Perhatian khusus juga perlu diberikan kepada negara dalam situasi konflik, serta negara dan wilayah di bawah pendudukan asing, negara pasca-konflik, dan negara yang terjejas oleh bencana alam dan bencana buatan manusia.

20. Kami menyedari keperluan untuk memberi perhatian khusus kepada menangani pelbagai bentuk diskriminasi yang dihadapi oleh, antara lain, wanita dan kanak-kanak perempuan, kanak-kanak dan belia, orang kurang upaya, mereka yang hidup dengan HIV / AIDS, warga tua, penduduk asal dan masyarakat tempatan, setinggan dan penghuni penempatan tidak rasmi, orang yang tiada tempat tinggal, pekerja, petani, pekebun kecil dan nelayan, pelarian, pelarian yang pulang dan pelarian dalam negara, dan pendatang, tanpa mengira status migrasi.

21. Kami menggesa semua negara, sub-nasional, dan kerajaan tempatan, serta semua pihak berkepentingan yang berkaitan, sejajar dengan dasar dan undang-undang negara, untuk memulihkan semula, menguatkan dan mewujudkan perkongsian, meningkatkan penyelarasan dan kerjasama untuk melaksanakan Agenda Perbandaran Baharu secara berkesan dan merealisasikan wawasan bersama.

22. Kami menerima pakai Agenda Perbandaran Baharu ini sebagai wawasan kolektif dan komitmen politik untuk mempromosi dan merealisasikan pembangunan bandar yang mampan, dan sebagai satu peluang bersejarah untuk memanfaatkan peranan utama bandar-bandar dan penempatan manusia sebagai pemacu pembangunan mampan dalam dunia yang semakin moden.

RANCANGAN
PELAKSANAAN
QUITO UNTUK
AGENDA
PERBANDARAN
BAHARU

23. Kami berazam untuk melaksanakan Agenda Perbandaran Baharu sebagai instrumen utama bagi nasional, sub-nasional dan kerajaan tempatan dan pihak-pihak berkepentingan yang berkaitan untuk mencapai pembangunan bandar mampan.

Komitmen transformatif untuk pembangunan bandar mampan

24. Bagi memanfaatkan sepenuhnya potensi pembangunan bandar yang mampan, kami membuat komitmen transformatif berikut melalui anjakan paradigma bandar berasaskan dimensi bersepadu pembangunan mampan: sosial, ekonomi dan alam sekitar.

Pembangunan bandar mampan untuk terangkuman sosial dan membasmi kemiskinan

25. Kami menyedari bahawa membasmi kemiskinan dalam segala bentuk dan dimensi, termasuk kemiskinan melampau, adalah satu cabaran global yang paling besar dan sesuatu yang amat diperlukan untuk pembangunan mampan. Kami juga menyedari bahawa ketidaksamaan yang semakin meningkat dan kewujudan berterusan pelbagai bentuk dan dimensi kemiskinan, termasuk peningkatan bilangan setinggan dan penempatan tidak rasmi penduduk, menjejaskan negara maju dan juga membangun, dan bahawa organisasi ruang, akses, dan reka bentuk ruang bandar, serta infrastruktur dan penyediaan perkhidmatan asas, bersama dengan dasar-dasar pembangunan, boleh menggalak atau menghalang perpaduan, kesaksamaan dan terangkuman sosial.

26. Kami komited untuk pembangunan bandar dan luar bandar yang mengutamakan rakyat, melindungi planet ini, dan responsif umur dan jantina dan untuk merealisasikan semua hak-hak dan kebebasan asasi manusia, memudahkan hidup bersama, menamatkan semua bentuk diskriminasi dan keganasan, dan memperkasa semua individu dan masyarakat, di samping membolehkan penyertaan penuh dan bermakna mereka. Kami seterusnya komited untuk mempromosi budaya dan menghormati kepelbagaian dan kesaksamaan sebagai elemen utama dalam pemanusiaan bandar dan penempatan penduduk.

27. Kami mengesahkan semula ikrar kami yang tidak ada sesiapa pun akan ketinggalan, dan komited untuk menggalak perkongsian dan manfaat yang sama rata yang perbandaran boleh tawarkan, sama ada tinggal di kawasan formal atau tidak formal, untuk menjalani kehidupan yang baik, mulia, dan bermanfaat dan mencapai potensi penuh manusia.

28. Kami komited untuk memastikan penghormatan penuh untuk hak asasi manusia dan layanan yang berperikemanusiaan terhadap pelarian, pelarian dalam negara, dan pendatang, tanpa mengira status penghijrahan, dan menyokong bandar tuan rumah mereka dalam semangat kerjasama antarabangsa, dengan mengambil kira keadaan negara, dan menyedari bahawa, walaupun pergerakan penduduk yang besar ke dalam bandar dan bandar raya menimbulkan pelbagai cabaran, ia juga boleh membawa sumbangan sosial, ekonomi, dan kebudayaan yang besar kepada kehidupan bandar. Kami turut komited untuk mengukuhkan sinergi antara penghijrahan dan pembangunan antarabangsa, pada tahap global, serantau, nasional dan sub-nasional serta tempatan dengan memastikan migrasi yang selamat, teratur, dan tetap melalui dasar migrasi

yang terancang dan diurus dengan baik dan untuk menyokong pihak berkuasa tempatan dalam mewujudkan rangka kerja yang membolehkan sumbangan positif pendatang kepada bandar-bandar dan menguatkan perhubungan bandar-luar bandar.

29. Kami komited untuk mengukuhkan peranan penyelarasan nasional, sub-nasional, dan kerajaan tempatan, sebagaimana yang sesuai, dan kerjasama mereka dengan entiti awam yang lain dan pertubuhan bukan kerajaan, dalam penyediaan perkhidmatan sosial dan asas untuk semua, termasuk menjana pelaburan dalam komuniti yang paling terdedah kepada bencana disebabkan oleh krisis kemanusiaan berulang dan berlarutan. Kami turut komited mempromosi perkhidmatan, penginapan mencukupi, dan peluang pekerjaan yang baik dan produktif untuk mereka yang dilanda krisis di kawasan bandar, bekerjasama dengan masyarakat tempatan dan kerajaan tempatan untuk mengenal pasti peluang untuk melibatkan diri dan membangunkan penyelesaian tempatan yang tahan lama, dan bermaruah, di samping memastikan aliran bantuan juga kepada orang-orang yang terlibat dan masyarakat tuan rumah untuk mengelak pembanguan mereka merosot kembali.

30. Kami mengakui keperluan untuk kerajaan dan masyarakat sivil untuk terus menyokong perkhidmatan bandar berdaya tahan semasa konflik bersenjata. Kami juga mengakui keperluan untuk mengesahkan penghormatan penuh untuk undang-undang kemanusiaan antarabangsa.

31. Kami komited untuk menggalakkan dasar perumahan nasional, sub-nasional dan tempatan yang menyokong kesedaran progresif hak untuk perumahan yang mencukupi untuk semua sebagai komponen kepada hak untuk standard kehidupan yang mencukupi, yang menangani semua bentuk diskriminasi dan keganasan, mencegah pengusiran secara paksa sewenang-wenangnya, dan yang memberi tumpuan kepada keperluan mereka yang tiada tempat tinggal, orang dalam keadaan lemah, golongan berpendapatan rendah, dan orang kurang upaya, di samping membolehkan penyertaan dan penglibatan masyarakat dan pihak berkepentingan yang berkaitan, dalam perancangan dan pelaksanaan dasar-dasar ini termasuk menyokong pengeluaran habitat sosial, menurut undang-undang dan standard nasional.

32. Kami komited untuk menggalakkan pembangunan dasar dan pendekatan perumahan bersepadu dan responsif umur serta jantina dalam semua sektor, terutama pekerjaan, pendidikan, penjagaan kesihatan, dan sektor integrasi sosial, dan di semua peringkat kerajaan, yang menggabungkan peruntukan perumahan yang mencukupi, berpatutan, mudah, sumber yang cekap, selamat, berdaya tahan, perhubungan dan lokasi yang baik, dengan perhatian khusus kepada faktor jarak dan pengukuhan hubungan ruang dengan seluruh fabrik bandar dan kawasan fungsi sekitarnya.

33. Kami komited untuk merangsang bekalan pelbagai pilihan perumahan yang mencukupi dan selamat, berpatutan, dan boleh diakses untuk ahli-ahli kumpulan pendapatan yang berbeza dalam masyarakat, dengan mengambil kira integrasi sosio-ekonomi dan budaya masyarakat yang terpinggir, tanpa tempat tinggal, dan mereka yang dalam keadaan lemah, dengan itu menghalang pengasingan. Kami akan mengambil langkah-langkah positif untuk memperbaiki keadaan hidup orang kehilangan tempat tinggal dengan tujuan memudahkan penyertaan penuh mereka dalam masyarakat dan untuk mencegah dan menghapuskan masalah ketiadaan tempat tinggal, serta untuk memerangi dan menghapus jenayah.

34. Kami komited untuk menggalakkan akses yang saksama dan berpatutan kepada infrastruktur fizikal dan sosial asas yang mampan untuk semua, tanpa diskriminasi, termasuk tanah mampu milik, perumahan, tenaga moden dan tenaga boleh diperbaharui, air minuman dan sanitasi yang selamat, makanan berkhasiat dan mencukupi, pelupusan sisa, mobiliti mampan, penjagaan kesihatan dan perancangan keluarga, kebudayaan, dan teknologi maklumat dan komunikasi. Kami juga komited untuk memastikan bahawa perkhidmatan ini adalah responsif kepada hak-hak dan keperluan wanita, kanak-kanak dan remaja, warga tua dan orang kurang upaya, pendatang, penduduk asal dan masyarakat tempatan yang sesuai, dan lain-lain yang berada di dalam keadaan lemah. Dalam hal ini, kami menggalakkan penghapusan halangan undang-undang, institusi, sosio-ekonomi, atau fizikal.

35. Kami komited untuk menggalakkan, pada tahap yang sesuai kerajaan, termasuk kerajaan sub-nasional dan tempatan, meningkatkan keselamatan pegangan untuk semua, mengiktiraf kepelbagaian jenis pegangan, dan untuk membangunkan penyelesaian yang sesuai dengan tujuan dan peringkat umur, jantina dan responsif alam sekitar dalam kontinum hak tanah dan hartanah, dengan perhatian khusus kepada keselamatan pemegangan tanah untuk wanita sebagai kunci untuk memperkasakan mereka, termasuk melalui sistem pentadbiran yang berkesan.

36. Kami komited untuk menggalakkan langkah yang sesuai di bandar-bandar dan penempatan manusia yang memudahkan akses bagi orang kurang upaya, atas asas yang sama dengan orang lain, untuk persekitaran fizikal bandar, khususnya kepada ruang awam, pengangkutan awam, perumahan, kemudahan pendidikan dan kesihatan, untuk maklumat dan komunikasi awam, termasuk teknologi dan sistem maklumat dan komunikasi, dan kemudahan serta perkhidmatan lain yang dibuka atau disediakan kepada orang ramai, sama ada di bandar atau luar bandar.

37. Kami komited untuk menggalakkan ruang awam yang selamat, inklusif, boleh diakses, hijau dan berkualiti, termasuk jalan-jalan, kaki lima, dan lorong berbasikal, dataran, kawasan tepi pantai, taman-taman pelbagai fungsi untuk interaksi dan terangkuman sosial, kesihatan dan kesejahteraan manusia, pertukaran ekonomi, dan pengungkapan dan dialog di kalangan kepelbagaian rakyat dan budaya, dan yang direka dan diuruskan untuk memastikan pembangunan manusia, untuk membina masyarakat aman, inklusif, dan penyertaan, dan juga untuk menggalakkan hidup bersama, kesambungan dan terangkuman sosial.

38. Kami komited untuk memanfaatkan warisan semula jadi dan budaya di bandar-bandar dan penempatan manusia secara mampan, sebagaimana yang sesuai, secara ketara atau tidak ketara, menerusi dasar bandar dan wilayah bersepadu dan pelaburan yang mencukupi di peringkat nasional, sub-nasional, dan tempatan, untuk melindungi dan mempromosi infrastruktur dan tapak kebudayaan, muzium dan bahasa penduduk asal, serta pengetahuan tradisional dan seni, menonjolkan peranan dalam pemulihan dan penceragaman semula kawasan bandar, dan sebagai satu cara untuk mengukuhkan penyertaan sosial dan eksekusi kewarganegaraan.

39. Kami komited untuk menggalakkan persekitaran yang selamat, sihat, inklusif dan terjamin di bandar-bandar dan penempatan manusia untuk semua untuk hidup, bekerja, turut serta dalam

kehidupan bandar tanpa rasa takut mengenai keganasan dan ancaman, dengan mengambil kira bahawa wanita dan kanak-kanak perempuan dan kanak-kanak dan belia dan orang dalam keadaan lemah, khususnya sering terjejas. Kami juga akan berusaha ke arah penghapusan amalan berbahaya terhadap wanita dan kanak-kanak perempuan, termasuk perkahwinan kanak-kanak, perkahwinan awal, dan perkahwinan paksa dan mutilasi genitalia perempuan.

40. Kami komited untuk menerima kepelbagaian di bandar-bandar dan penempatan manusia, untuk mengukuhkan perpaduan sosial, dialog antara budaya dan persefahaman, toleransi, saling menghormati, kesaksamaan jantina, inovasi, keusahawanan, terangkuman, identiti dan keselamatan, dan maruah semua orang, dan juga memupuk tempat yang sesuai didiami dan ekonomi bandar yang bertenaga. Kami juga berjanji untuk mengambil langkah-langkah untuk memastikan bahawa institusi tempatan menggalakkan pluralisme dan kewujudan bersama secara aman dalam masyarakat yang semakin heterogen dan pelbagai budaya.

41. Kami komited untuk menggalakkan mekanisme institusi, politik, perundangan dan kewangan di bandar-bandar dan penempatan manusia untuk meluaskan platform inklusif, selaras dengan dasar-dasar negara yang membolehkan penyertaan yang lebih bermakna dalam membuat keputusan, perancangan, dan proses susulan untuk semua, dan juga pembabitian awam yang dipertingkat dan penyediaan bersama dan pengeluaran bersama.

42. Kami menyokong kerajaan sub-nasional dan tempatan, sebagaimana yang sesuai, dalam memenuhi peranan penting mereka dalam mengukuhkan antara muka di kalangan semua pihak berkepentingan, yang menawarkan peluang untuk berdialog, termasuk melalui pendekatan responsif umur dan jantina, dan dengan perhatian khusus kepada sumbangan yang berpotensi daripada semua lapisan masyarakat, termasuk lelaki dan wanita, kanak-kanak dan belia, warga tua dan orang kurang upaya, penduduk asal dan masyarakat setempat, pelarian dan pelarian dalaman dan pendatang, tanpa mengira status penghijrahan, dan tanpa diskriminasi berdasarkan bangsa, agama, etnik atau status sosio-ekonomi.

Kemakmuran bandar dan peluang mampan dan inklusif untuk semua

43. Kami mengiktiraf bahawa pertumbuhan ekonomi yang mampan, inklusif dan mampan, dengan guna tenaga penuh dan produktif dan kerja yang bersesuaian untuk semua, adalah elemen penting dalam pembangunan bandar dan wilayah yang mampan dan bandar-bandar dan penempatan manusia perlu menjadi tempat untuk peluang yang sama membolehkan penduduk untuk hidup sihat, produktif, makmur dan penuh bermakna.

44. Kami menyedari bahawa bentuk bandar, infrastruktur, dan reka bentuk bangunan adalah antara pemacu paling besar kecekapan kos dan sumber, melalui faedah daripada ekonomi bidangan dan penumpuan, dan memupuk kecekapan tenaga, tenaga boleh diperbaharui, daya tahan, produktiviti, perlindungan alam sekitar, dan pertumbuhan yang mampan dalam ekonomi bandar.

45. Kami komited untuk membangunkan ekonomi bandar yang cergas, mampan dan inklusif, membina potensi dalaman, kelebihan daya saing, warisan budaya dan sumber-sumber tempatan, serta sumber yang cekap dan infrastruktur yang berdaya tahan, menggalakkan pembangunan industri yang mampan dan inklusif, dan penggunaan dan corak pengeluaran mampan dan memupuk persekitaran yang menggalakkan untuk perniagaan dan inovasi, serta sumber pencarian.

46. Kami komited untuk menggalakkan peranan perumahan dan pembiayaan perumahan yang berpatutan dan mampan, termasuk pengeluaran habitat sosial, dalam pembangunan ekonomi, dan sumbangan sektor itu dalam merangsang produktiviti dalam sektor-sektor ekonomi yang lain, mengiktiraf yang perumahan meningkatkan pembentukan modal, pendapatan, penjaan pekerja, dan simpanan, dan boleh menyumbang kepada memacu transformasi ekonomi yang mampan dan inklusif di peringkat nasional, sub-nasional, dan tempatan.

47. Kami komited untuk mengambil langkah-langkah yang sesuai untuk mengukuhkan institusi nasional, sub-nasional dan tempatan untuk menyokong pembangunan ekonomi tempatan, memupuk integrasi, kerjasama, penyelarasan, dan dialog di seluruh peringkat kerajaan dan bahagian yang berfungsi dan pihak berkepentingan yang berkaitan.

48. Kami menggalakkan penyertaan berkesan dan kerjasama di kalangan semua pihak yang berkepentingan, termasuk kerajaan tempatan, sektor swasta, masyarakat awam, pertubuhan wanita dan belia, serta mereka yang mewakili orang kurang upaya, penduduk asal, profesional, institusi akademik, kesatuan sekerja, pertubuhan majikan, persatuan pendatang dan persatuan-persatuan kebudayaan, dalam menentukan peluang untuk pembangunan ekonomi bandar dan juga dalam mengenal pasti dan menangani cabaran yang sedia ada dan baru muncul.

49. Kami komited untuk menyokong sistem wilayah yang mengintegrasikan fungsi bandar dan luar bandar ke dalam rangka kerja ruang nasional dan sub-nasional dan sistem bandar dan penempatan manusia, menggalakkan pengurusan mampan dan penggunaan sumber asli dan tanah, memastikan bekalan dan rantaian nilai yang boleh dipercayai yang menghubungkan bekalan dan permintaan bandar serta luar bandar untuk memupuk pembangunan wilayah saksama di seluruh kontinum bandar-luar bandar dan mengisi jurang sosial, ekonomi, dan wilayah.

50. Kami komited untuk menggalakkan interaksi dan kesambungan bandar-luar bandar dengan mengukuhkan pengangkutan dan mobiliti, rangkaian teknologi dan komunikasi serta infrastruktur, disokong instrumen perancangan berdasarkan pendekatan bandar dan wilayah yang bersepadu dalam usaha memaksimumkan potensi sektor-sektor ini untuk meningkatkan produktiviti, sosial, ekonomi, dan perpaduan wilayah, serta kemampan keselamatan dan alam sekitar. Ini termasuk sambungan antara bandar-bandar dan persekitaran mereka, peri-bandar, dan kawasan luar bandar, dan juga hubungan darat-laut lebih besar, di mana sesuai.

51. Kami komited untuk menggalakkan pembangunan rangka kerja ruang bandar, termasuk perancangan bandar dan instrumen reka bentuk yang menyokong pengurusan mampan dan penggunaan sumber asli dan tanah, kepadatan dan ketumpatan yang sesuai, polisentrisme, dan kegunaan campuran, melalui pembangunan penting atau strategi pengembangan bandar terancang



untuk mencetuskan ekonomi bidangan dan penumpuan, memperkukuhkan perancangan sistem makanan, meningkatkan kecekapan sumber, daya tahan bandar, dan kemampunan alam sekitar.

52. Kami menggalakkan strategi pembangunan ruang yang mengambil kira, sebagaimana yang sesuai, keperluan untuk membimbing pengembangan bandar yang mengutamakan pembaharuan bandar dengan perancangan bagi penyediaan infrastruktur dan perkhidmatan yang boleh diakses dan dihubungkan dengan baik, kepadatan penduduk yang mampan, dan reka bentuk yang kompak dan integrasi kawasan-kawasan perumahan baru dalam fabrik bandar, mencegah rebakan bandar dan pemarginalan.

53. Kami komited untuk menggalakkan ruang awam yang selamat, inklusif, boleh diakses, hijau, dan berkualiti sebagai pendorong pembangunan sosial dan ekonomi, memanfaatkan potensinya secara mampan untuk menjana peningkatan nilai sosial dan ekonomi, termasuk nilai hartanah, dan untuk memudahkan perniagaan, pelaburan awam dan swasta, dan peluang punca pendapatan untuk semua.

54. Kami komited untuk penjanaan dan penggunaan tenaga boleh diperbaharui dan berpatutan serta infrastruktur pengangkutan dan perkhidmatan yang mampan dan cekap, di mana mungkin, mencapai faedah dari sambungan dan mengurangkan kos kewangan, alam sekitar, dan kesihatan orang ramai daripada mobiliti tidak cekap, kesesakan, pencemaran udara, kesan haba pulau bandar dan bunyi bising. Kami juga berjanji untuk memberi perhatian khusus kepada keperluan tenaga dan pengangkutan semua rakyat, terutama golongan miskin dan mereka yang tinggal di penempatan tidak formal. Kita juga maklum bahawa pengurangan kos tenaga boleh diperbaharui memberikan bandar-bandar dan penempatan manusia alat yang berkesan untuk mengurangkan kos bekalan tenaga.

55. Kami komited untuk memupuk masyarakat yang sihat dengan menggalakkan akses kepada perkhidmatan awam yang mencukupi, inklusif, dan berkualiti, persekitaran yang bersih dengan mengambil kira garis panduan kualiti udara termasuk yang dihuraikan oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO), infrastruktur dan kemudahan sosial seperti perkhidmatan penjagaan kesihatan, termasuk akses sejagat kepada perkhidmatan penjagaan kesihatan seksual dan pembiakan untuk mengurangkan kadar kematian anak yang baru lahir dan ibu.

56. Kami komited untuk meningkatkan produktiviti ekonomi, sebagaimana yang sesuai, dengan menyediakan tenaga buruh dengan akses kepada peluang menjana pendapatan, pengetahuan, kemahiran dan kemudahan pendidikan yang menyumbang kepada ekonomi bandar yang inovatif dan berdaya saing. Kami juga berjanji untuk meningkatkan produktiviti ekonomi dengan menggalakkan guna tenaga penuh dan produktif, pekerjaan yang baik, dan peluang mata pencarian di bandar-bandar dan penempatan manusia.

57. Kami komited untuk menggalakkan, pekerjaan penuh dan produktif, pekerjaan yang baik untuk semua, dan peluang mata pencarian di bandar-bandar dan penempatan manusia, dengan perhatian khusus kepada keperluan dan potensi wanita, belia, orang kurang upaya, Orang Asli dan

masyarakat setempat, pelarian dan orang pelarian dalaman, dan pendatang, terutama yang paling miskin dan penduduk dalam keadaan lemah, dan untuk menggalakkan akses tanpa diskriminasi kepada peluang menjana pendapatan yang sah.

58. Kami komited untuk membolehkan persekitaran perniagaan yang adil dan bertanggungjawab, berdasarkan prinsip-prinsip kemampanan alam sekitar dan kemakmuran inklusif, menggalakkan pelaburan, inovasi dan keusahawanan. Kami juga berjanji untuk menangani cabaran yang dihadapi oleh masyarakat perniagaan tempatan, melalui sokongan perusahaan mikro, kecil dan sederhana serta koperasi di seluruh rantai nilai, terutama perniagaan dan perusahaan dalam ekonomi sosial dan perpaduan, yang beroperasi dalam ekonomi formal dan tidak formal.

59. Kami komited untuk mengiktiraf sumbangan golongan miskin bekerja dalam ekonomi tidak formal, khususnya wanita, termasuk pekerja yang tidak dibayar, pekerja domestik dan asing kepada ekonomi bandar, dengan mengambil kira keadaan negara. Mata pencarian mereka, keadaan kerja dan jaminan pendapatan, perlindungan undang-undang dan sosial, akses kepada kemahiran, aset dan perkhidmatan sokongan lain, dan suara dan perwakilan perlu dipertingkatkan. Peralihan progresif pekerja dan unit ekonomi kepada ekonomi formal akan dibangunkan dengan menggunakan pakai pendekatan yang seimbang, menggabungkan insentif dan langkah-langkah pematuhan, di samping menggalakkan pemeliharaan dan peningkatan mata pencarian yang sedia ada. Kami akan mengambil kira keadaan nasional yang khusus, perundangan, dasar, amalan, dan keutamaan bagi peralihan kepada ekonomi formal.

60. Kami komited untuk mengekal dan menyokong ekonomi bandar untuk peralihan secara beransur-ansur kepada produktiviti yang lebih tinggi melalui sektor bernilai tambah tinggi, menggalakkan kepelbagaian, peningkatan teknologi, penyelidikan dan inovasi, termasuk penciptaan pekerjaan berkualiti, baik dan produktif, termasuk melalui mempromosi industri budaya dan kreatif, pelancongan mampan, seni persembahan dan aktiviti pemuliharaan warisan, antara lain.

61. Kami komited untuk memanfaatkan pembahagian demografi bandar, di mana berkenaan, dan menggalakkan akses untuk belia kepada pendidikan, pembangunan kemahiran, dan pekerjaan untuk mencapai peningkatan produktiviti dan kemakmuran bersama di bandar-bandar dan penempatan manusia. Kanak-kanak perempuan dan kanak-kanak lelaki, wanita muda dan lelaki muda, adalah ejen utama perubahan dalam mewujudkan masa depan yang lebih baik dan apabila diberi kuasa, mereka mempunyai potensi yang besar untuk menyokong bagi pihak diri mereka sendiri dan masyarakat. Memastikan peluang lebih banyak dan lebih baik untuk penyertaan bermakna mereka akan menjadi penting bagi pelaksanaan Agenda Perbandaran Baharu.

62. Kami komited untuk menangani implikasi sosial, ekonomi dan ruang penduduk berusia, di mana berkenaan, dan memanfaatkan faktor penuaan sebagai satu peluang untuk pekerjaan baharu yang baik dan pertumbuhan ekonomi yang berterusan, inklusif dan mampan, di samping meningkatkan kualiti hidup penduduk bandar.

Pembangunan bandar mampan alam sekitar dan berdaya tahan

63. Kami menyedari bahawa bandar-bandar dan penempatan manusia menghadapi ancaman yang belum pernah terjadi sebelumnya daripada penggunaan dan corak pengeluaran tidak mampan, kehilangan biodiversiti, tekanan ke atas ekosistem, pencemaran dan bencana alam dan bencana buatan manusia, dan perubahan iklim dan risiko yang berkaitan dengannya, melemahkan usaha-usaha untuk membasmi kemiskinan dalam semua bentuk dan dimensi dan untuk mencapai pembangunan mampan. Berikutan trend demografi bandar dan peranan utama mereka dalam ekonomi global dalam usaha mitigasi dan adaptasi yang berkaitan dengan perubahan iklim dan dalam penggunaan sumber dan ekosistem, cara mereka dirancang, dibiayai, dibangun, dibina, ditadbir, dan diurus mempunyai kesan langsung kepada kemampanan dan daya tahan jauh melampaui sempadan bandar.

64. Kami juga menyedari bahawa pusat bandar di seluruh dunia, terutama di negara membangun, sering mempunyai ciri-ciri yang menjadikan mereka dan penduduk mereka lebih terdedah kepada kesan buruk perubahan iklim dan bencana alam dan bencana buatan manusia yang lain, termasuk gempa bumi, kejadian cuaca yang melampau, banjir, penenggelaman, ribut, termasuk ribut debu dan ribut, gelombang haba, kekurangan air, kemarau, pencemaran air dan udara, penyakit bawaan vektor, dan kenaikan paras laut terutama yang melibatkan kawasan pantai, kawasan delta, dan negara pulau kecil yang sedang membangun, antara lain.

65. Kami komited untuk memudahkan pengurusan mampan sumber asli di bandar-bandar dan penempatan manusia dalam cara yang melindungi dan memperbaiki ekosistem bandar dan perkhidmatan alam sekitar, mengurangkan pelepasan gas rumah hijau dan pencemaran udara, dan menggalakkan pengurangan dan pengurusan risiko bencana, melalui sokongan pembangunan strategi pengurangan risiko bencana dan penilaian berkala risiko bencana yang disebabkan oleh bencana alam dan bencana buatan manusia, termasuk standard untuk tahap risiko, di samping memupuk pembangunan ekonomi yang mampan dan kesejahteraan dan kualiti hidup semua orang, melalui perancangan bandar dan wilayah, infrastruktur dan perkhidmatan asas yang mesra alam sekitar.

66. Kami komited untuk mengambil pendekatan bandar pintar, yang menggunakan peluang daripada pendigitalan, tenaga dan teknologi bersih, serta teknologi pengangkutan inovatif, dengan itu menyediakan pilihan untuk penduduk membuat pilihan yang lebih mesra alam sekitar dan merangsang pertumbuhan ekonomi yang mampan dan membolehkan bandar-bandar untuk meningkatkan penyampaian perkhidmatan mereka.

67. Kami komited untuk menggalakkan penciptaan dan penyelenggaraan rangkaian berhubungungan baik dan beredaran baik ruang awam yang terbuka, pelbagai guna, selamat, inklusif, boleh diakses, hijau, dan berkualiti untuk meningkatkan daya tahan bandar-bandar daripada bencana dan perubahan iklim, mengurangkan banjir dan risiko kemarau dan gelombang haba, meningkatkan jaminan makanan dan pemakanan, kesihatan fizikal dan mental, isi rumah dan kualiti udara ambien, mengurangkan bunyi bising, dan menggalakkan bandar, penempatan manusia dan landskap bandar yang menarik dan sesuai untuk didiami, mengutamakan pemuliharaan spesies endemik.



68. Kami komited untuk memberi pertimbangan khusus kepada delta bandar, kawasan pantai, dan kawasan sensitif alam sekitar yang lain, menonjolkan kepentingan mereka sebagai penyedia ekosistem sumber penting bagi pengangkutan, jaminan makanan, kemakmuran ekonomi, perkhidmatan dan daya tahan ekosistem, dan mengintegrasikan langkah yang sesuai untuk memasukkan mereka ke dalam perancangan serta pembangunan bandar dan wilayah yang mampan.

69. Kami komited untuk memelihara dan menggalakkan fungsi ekologi dan sosial tanah, termasuk kawasan pantai yang menyokong bandar dan penempatan manusia, dan memupuk penyelesaian berasaskan ekosistem untuk memastikan penggunaan dan corak pengeluaran mampan; supaya kapasiti penjanaan semula ekosistem tidak terlebih. Kami juga berjanji untuk menggalakkan penggunaan tanah yang mampan, menggabungkan pembesaran bandar dengan kepadatan yang mencukupi dan mencegah dan membendung rebakan bandar, serta mencegah perubahan penggunaan tanah yang tidak perlu dan kehilangan tanah produktif dan ekosistem rapuh dan penting.

70. Kami komited untuk menyokong penyediaan barangan dan perkhidmatan asas tempatan, memanfaatkan kedekatan sumber, menyedari bahawa kebergantungan tinggi kepada sumber-sumber tenaga, air, makanan, dan bahan-bahan yang jauh boleh menimbulkan cabaran kemampanan, termasuk pendedahan kepada gangguan bekalan perkhidmatan, dan peruntukan tempatan membolehkan akses yang lebih baik untuk penduduk kepada sumber.

71. Kami komited untuk mengukuhkan pengurusan sumber yang mampan - termasuk tanah, air (lautan, laut dan air tawar), tenaga, bahan-bahan, hutan, dan makanan, dengan perhatian khusus kepada pengurusan mesra alam sekitar dan meminimumkan semua sisa, bahan kimia berbahaya, termasuk pencemar udara dan iklim yang tidak kekal lama, gas rumah hijau, dan bunyi bising - dengan cara yang menganggap perhubungan bandar-luar bandar dan bekalan berfungsi dan rangkaian nilai berbanding kesan dan kemampanan alam sekitar dan berusaha untuk beralih kepada ekonomi yang bulat, di samping memudahkan pemuliharaan ekosistem, penjanaan semula, pemulihan dan daya tahan dalam menghadapi cabaran-cabaran baharu dan sedang muncul.

72. Kami komited kepada proses perancangan bandar dan wilayah jangka panjang dan amalan pembangunan ruang yang menggabungkan perancangan dan pengurusan sumber air bersepadu, dengan mengambil kira kontinum bandar-luar bandar pada skala tempatan dan wilayah, dan termasuk penyertaan pihak berkepentingan dan masyarakat.

73. Kami komited untuk menggalakkan pemuliharaan dan penggunaan air secara mampan dengan memulihkan sumber air di dalam kawasan bandar, peri-bandar, dan luar bandar, mengurangkan dan merawat air sisa, mengurangkan kehilangan air, menggalakkan penggunaan semula air, dan meningkatkan simpanan air, pengekalan, dan caj semula, dengan mengambil kira kitaran air.

74. Kami komited untuk menggalakkan pengurusan sisa mesra alam sekitar dan mengurangkan dengan banyak penjanaan sisa dengan mengurangkan, mengguna semula, dan mengitar semula (3R)

bahan buangan, mengurangkan pembuangan sampah, dan menukar sisa kepada tenaga apabila sisa tidak boleh dikitar semula atau apabila ia memberi hasil alam sekitar yang terbaik. Kami seterusnya berjanji untuk mengurangkan pencemaran laut melalui pengurusan sisa dan air sisa yang lebih baik di kawasan pantai.

75. Kami komited untuk menggalakkan nasional, sub-nasional dan kerajaan tempatan, sebagaimana yang sesuai, untuk membangunkan tenaga mampan, boleh diperbaharui, dan berpatutan, bangunan dan mod pembinaan cekap tenaga, dan untuk menggalakkan penjimatan dan kecekapan tenaga, yang penting untuk membolehkan pengurangan gas rumah hijau dan pelepasan karbon hitam, memastikan penggunaan dan corak pengeluaran mampan, dan membantu untuk mewujudkan pekerjaan baharu yang baik, meningkatkan kesihatan awam, dan mengurangkan kos bekalan tenaga.

76. Kami komited untuk melakukan penggunaan mampan sumber semula jadi dan memberi tumpuan kepada kecekapan sumber bahan mentah dan pembinaan seperti konkrit, logam, kayu, mineral, dan tanah, mewujudkan kemudahan pemulihan bahan dan kitar semula yang selamat dan menggalakkan pembangunan bangunan mampan dan berdaya tahan, mengutamakan penggunaan bahan tempatan, tidak toksik dan dikitar semula, dan cat dan salutan yang bebas plumbum.

77. Kami komited untuk mengukuhkan daya tahan bandar-bandar dan penempatan manusia, termasuk melalui pembangunan infrastruktur berkualiti dan perancangan ruang dengan menggunakan pakai dan melaksanakan, dasar dan pelan yang bersepadu, responsif umur dan jantina dan pendekatan berasaskan ekosistem selaras dengan Rangka Kerja Sendai Untuk Pengurangan Risiko Bencana Bencana 2015-2030, mengurusperdanakan pengurangan risiko bencana dan pengurusan holistik dan data bermaklumat di semua peringkat, mengurangkan kelemahan dan risiko, terutama di kawasan terdedah risiko di penempatan formal dan tidak formal, termasuk kawasan setinggan, membolehkan isi rumah, komuniti, institusi dan perkhidmatan bersedia untuk respons, menyesuaikan diri dan pulih dengan cepat daripada kesan bahaya, termasuk kejutan atau tekanan terpendam. Kami akan menggalakkan pembangunan infrastruktur yang berdaya tahan, cekap sumber, dan yang akan mengurangkan risiko dan kesan bencana, termasuk pemulihan dan menaik taraf kawasan setinggan dan penempatan tidak formal. Kami juga akan memperkenalkan langkah-langkah untuk menguatkan dan mengubahsuai semua stok perumahan berisiko, termasuk di kawasan setinggan dan penempatan tidak formal untuk menjadikannya berdaya tahan terhadap bencana dengan penyelarasan pihak berkuasa tempatan dan pihak berkepentingan.

78. Kami komited untuk menyokong peralihan daripada reaktif kepada lebih proaktif berasaskan risiko, pendekatan semua bahaya dan semua masyarakat, seperti meningkatkan kesedaran awam mengenai risiko dan menggalakkan pelaburan ex-ante untuk mengelakkan risiko dan membina daya tahan, di samping memastikan respons tempatan yang tepat pada masanya dan berkesan, untuk menangani keperluan segera penduduk terjejas oleh bencana alam dan bencana buatan manusia, serta konflik. Ini termasuk mengintegrasikan prinsip "Membina Kembali Dengan Lebih Baik" dalam proses pemulihan selepas bencana untuk mengintegrasikan pembinaan daya tahan, langkah-langkah alam sekitar dan ruang, dan pengajaran daripada bencana dan risiko baharu ke dalam perancangan masa depan.

79. Kami komited untuk menggalakkan tindakan iklim antarabangsa, nasional, sub-nasional dan tempatan, termasuk penyesuaian dan pengurangan perubahan iklim, dan untuk menyokong bandar-bandar dan penempatan manusia, penghuni mereka dan semua pihak berkepentingan tempatan untuk menjadi pelaksana penting. Kami seterusnya komited untuk menyokong pembinaan daya tahan dan mengurangkan pelepasan gas rumah hijau, dari semua sektor yang berkaitan. Langkah-langkah tersebut perlu selaras dengan matlamat Perjanjian Paris yang diterima pakai di bawah UNFCCC, termasuk menahan peningkatan suhu purata global di bawah dua darjah Celsius melebihi paras pra-industri, dan meneruskan usaha untuk mengehadkan peningkatan suhu kepada 1.5 darjah Celsius melebihi paras pra-industri.

80. Kami komited untuk menyokong penyesuaian proses perancangan sederhana untuk proses perancangan penyesuaian jangka sederhana hingga panjang, serta kelemahan iklim dan penilaian kesan tahap bandar untuk memaklumkan rancangan penyesuaian, dasar, program dan tindakan yang membina daya tahan penduduk bandar, termasuk melalui penggunaan penyesuaian berdasarkan ekosistem.

Pelaksanaan berkesan

81. Kami menyedari bahawa merealisasikan komitmen transformasi yang dinyatakan dalam Agenda Perbandaran Baharu akan memerlukan satu rangka kerja dasar di peringkat nasional, sub-nasional dan tempatan, bersepadu dengan perancangan dan pengurusan penyertaan pembangunan ruang bandar, dan cara pelaksanaan yang berkesan, dilengkapi dengan kerjasama antarabangsa serta usaha pembangunan kapasiti, termasuk perkongsian amalan, dasar, dan program terbaik antara kerajaan di semua peringkat.

82. Kami menjemput organisasi dan badan-badan antarabangsa dan serantau termasuk sistem Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu dan perjanjian alam sekitar pelbagai hala, rakan pembangunan, institusi kewangan antarabangsa dan pelbagai hala, bank pembangunan serantau, sektor swasta dan pihak berkepentingan lain, untuk meningkatkan penyelarasan strategi dan program pembangunan bandar dan luar bandar mereka untuk mengguna pendekatan bersepadu untuk pembandaran yang mampan, mengarusperdanakan pelaksanaan Agenda Perbandaran Baharu.

83. Dalam hal ini kami menekankan keperluan untuk meningkatkan penyelarasan dan koheren seluruh sistem Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu dalam bidang pembangunan bandar yang mampan, dalam rangka kerja pelaksanaan perancangan dan laporan strategik seperti yang ditekankan oleh perenggan 88 dalam Agenda Pembangunan Mampan 2030.

84. Kami menggesa negara-negara untuk mengelak daripada menyebarkan dan melaksana apa-apa langkah-langkah ekonomi, kewangan, atau perdagangan unilateral yang tidak mengikut undang-undang antarabangsa dan Piagam Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu yang menghalang pencapaian penuh pembangunan ekonomi dan sosial, terutama di negara-negara membangun.

Membina struktur tadbir urus bandar: mewujudkan rangka kerja sokongan

85. Kami mengakui prinsip-prinsip dan strategi yang terkandung dalam Garis Panduan Antarabangsa Mengenai Desentralisasi dan Pengukuhan Kerajaan Tempatan dan Akses Kepada Perkhidmatan Asas untuk semua, yang diterima pakai oleh Majlis Pentadbiran PBB-Habitat dalam resolusi 21/3 pada 20 April 2007¹⁵ dan 22/8 pada 3 April 2009¹⁶.

86. Kami akan menerajui pelaksanaan berkesan Agenda Perbandaran Baharu dalam dasar bandar inklusif, boleh dilaksana, dan penyertaan, sebagaimana yang sesuai, untuk mengarusperdanakan pembangunan bandar dan wilayah yang mampan sebagai sebahagian daripada strategi dan rancangan pembangunan bersepadu, disokong, sebagaimana yang sesuai, oleh rangka kerja institusi dan kawal selia nasional, sub-nasional dan tempatan, bagi memastikan bahawa mereka dikaitkan secukupnya kepada mekanisme kewangan yang telus dan bertanggungjawab.

87. Kami akan memupuk penyelarasan dan kerjasama lebih kukuh di kalangan nasional, sub-nasional dan kerajaan tempatan, termasuk melalui mekanisme perundingan pelbagai peringkat dan dengan jelas mendefinisikan kecekapan, peralatan, dan sumber untuk setiap peringkat kerajaan.

88. Kami akan memastikan koheren antara matlamat dan langkah-langkah dasar sektor, antara lain, pembangunan luar bandar, penggunaan tanah, jaminan makanan dan pemakanan, pengurusan sumber asli, penyediaan perkhidmatan awam, air dan sanitasi, kesihatan, alam sekitar, tenaga, dasar perumahan dan mobiliti, pada tahap dan skala berbeza pentadbiran politik, merentasi sempadan pentadbiran dan mempertimbangkan bidang fungsian yang sesuai, untuk mengukuhkan pendekatan bersepadu untuk perbandaran dan melaksanakan strategi perancangan bandar dan wilayah bersepadu yang terangkum di dalamnya.

89. Kami akan mengambil langkah-langkah untuk mewujudkan rangka kerja perundangan dan dasar, berdasarkan prinsip-prinsip kesaksamaan dan bukan diskriminasi, untuk membolehkan kerajaan semasa melaksanakan dasar perbandaran negara secara berkesan, sebagaimana yang sesuai, dan untuk memberi kuasa kepada mereka sebagai pembuat dasar dan keputusan, memastikan desentralisasi fiskal, politik dan pentadbiran yang sesuai berdasarkan prinsip subsidiariti.

90. Kami akan, selaras dengan undang-undang negara, memberi sokongan untuk mengukuhkan keupayaan sub-nasional dan kerajaan tempatan untuk melaksanakan pelbagai peringkat tadbir urus tempatan dan metropolitan secara berkesan, merentasi sempadan pentadbiran, dan berdasarkan wilayah fungsian, memastikan penglibatan sub-nasional dan kerajaan tempatan dalam membuat keputusan, berusaha untuk menyediakan mereka dengan kuasa dan sumber untuk menguruskan keperluan kritikal bandar, metropolitan dan wilayah. Kami akan menggalakkan tadbir urus metropolitan yang inklusif dan merangkumi rangka kerja undang-undang dan mekanisme pembiayaan dipercayai, termasuk pengurusan hutang mampan, seperti yang berkenaan. Kami akan mengambil langkah-langkah untuk menggalakkan penyertaan penuh dan berkesan wanita

¹⁵ Lihat Rekod Rasmi Perhimpunan Agung Sesi ke Enam Puluh Dua, Tambahan No.8(A/62/8), lampiran 1.

¹⁶ Ibid, Sesi ke Enam Puluh Empat, Tambahan No.8(A/62/8), lampiran 15.

dan hak sama rata dalam semua bidang dan dalam kepemimpinan di semua peringkat membuat keputusan, termasuk dalam kerajaan tempatan.

91. Kami akan menyokong kerajaan tempatan dalam menentukan struktur pentadbiran dan pengurusan mereka sendiri, selaras dengan undang-undang dan dasar-dasar negara, sebagaimana yang sesuai, dalam usaha menyesuaikan diri dengan keperluan tempatan. Kita akan menggalakkan rangka kerja kawal selia yang sesuai dan sokongan kepada kerajaan tempatan untuk bekerjasama dengan komuniti, masyarakat sivil dan sektor swasta untuk membangun dan mengurus perkhidmatan asas dan infrastruktur dalam memastikan kepentingan awam terpelihara dan matlamat ringkas, tanggungjawab, dan mekanisme akauntabiliti ditakrifkan dengan jelas.

92. Kami akan menggalakkan pendekatan penyertaan responsif umur dan jantina pada semua peringkat proses dasar dan perancangan bandar dan wilayah, daripada pembentukan konsep kepada reka bentuk, pembelanjawanan, pelaksanaan, penilaian dan kajian, berakar umbi dalam bentuk baharu perkongsian langsung antara kerajaan di semua peringkat dan masyarakat sivil, termasuk melalui mekanisme menyeluruh dan yang mempunyai sumber tetap dan platform untuk kerjasama dan perundingan terbuka kepada semua, dengan menggunakan teknologi maklumat dan komunikasi dan penyelesaian data boleh akses.

Perancangan dan pengurusan pembangunan ruang bandar

93. Kami mengakui prinsip dan strategi untuk perancangan bandar dan wilayah yang terkandung dalam Garis Panduan Antarabangsa Mengenai Perancangan Bandar dan Wilayah, yang diterima pakai oleh Majlis Pentadbiran PBB-Habitat dalam resolusi 25/6 pada 23 April 2015¹⁷.

94. Kami akan melaksanakan rancangan bersepadu yang bertujuan untuk mengimbangi keperluan jangka pendek dengan hasil jangka panjang yang dikehendaki ekonomi berdaya saing, kualiti hidup yang tinggi dan persekitaran mapan. Kami juga akan berusaha untuk membina fleksibiliti dalam perancangan kami untuk diselaraskan dengan perubahan keadaan sosial dan ekonomi dari semasa ke semasa. Kami akan melaksana dan menilai rancangan-rancangan ini secara sistematik, di samping berusaha untuk memanfaatkan inovasi dalam teknologi dan untuk menghasilkan persekitaran hidup yang lebih baik.

95. Kami akan menyokong pelaksanaan semua dasar dan pelan yang bersepadu, polisentrik, dan pembangunan wilayah pembangunan yang seimbang, menggalakkan kerjasama dan sokongan bersama antara bandar-bandar dan penempatan manusia yang berbeza skala, pengukuhan peranan bandar-bandar kecil dan pertengahan serta bandar raya dalam meningkatkan keselamatan makanan dan sistem nutrisi, menyediakan akses kepada perumahan, infrastruktur dan perkhidmatan yang mampan, berpatutan, mencukupi, berdaya tahan dan selamat, dan memudahkan hubungan perdagangan yang berkesan untuk seluruh kontinum bandar dan luar bandar, memastikan bahawa petani berskala kecil dan nelayan dihubungkan dengan rantai nilai dan pasaran tempatan, sub-nasional, kebangsaan, serantau dan global. Kami juga akan menyokong perbandaran pertanian dan

¹⁷ Ibid, Sesi ke 70, Tambahan No.8 (A/70/8), lampiran.



perladangan serta penggunaan dan pengeluaran tempatan yang bertanggungjawab dan mampan, dan interaksi sosial melalui usaha membolehkan rangkaian pasaran tempatan dan perdagangan diakses sebagai pilihan untuk menyumbang kepada kemampanan dan keselamatan makanan.

96. Kami akan menggalakkan pelaksanaan perancangan bandar dan wilayah yang mampan, termasuk bandar-kawasan dan pelan metropolitan, untuk menggalakkan sinergi dan interaksi antara kawasan bandar pelbagai saiz, dan pinggir bandar serta kawasan luar bandar, termasuk orang-orang yang merentas sempadan, dan menyokong pembangunan projek-projek infrastruktur serantau yang mampan yang merangsang produktiviti ekonomi yang mampan, menggalakkan pertumbuhan saksama wilayah di seluruh kontinum bandar dan luar bandar. Dalam hal ini, kami akan menggalakkan perkongsian bandar-luar bandar dan mekanisme kerjasama antara perbandaran berdasarkan wilayah berfungsi dan kawasan bandar sebagai alat yang berkesan untuk melaksanakan tugas-tugas pentadbiran perbandaran dan metropolitan, menyampaikan perkhidmatan awam, dan menggalakkan kedua-dua pembangunan tempatan dan serantau.

97. Kami akan menggalakkan pengembangan bandar yang terancang, pembangunan penting (infill), pembaharuan keutamaan, pertumbuhan semula, dan penaiktarafan (retrofitting) kawasan bandar, sebagaimana kesesuaian, termasuk menaik taraf kawasan miskin dan penempatan tidak formal, menyediakan bangunan dan ruang awam berkualiti tinggi, menggalakkan pendekatan bersepadu dan penyertaan melibatkan semua pemegang kepentingan dan penduduk berkaitan, mengelakkan pengasingan ruang dan sosio-ekonomi dan gentrifikasi, di samping memelihara warisan budaya dan mencegah dan membendung rebakan bandar.

98. Kami akan menggalakkan perancangan bandar dan wilayah bersepadu, termasuk pengembangan bandar terancang berdasarkan prinsip-prinsip saksama, cekap, dan mampan dalam penggunaan tanah dan sumber asli, kepadatan, polisentrisme, ketumpatan dan sambungan bersesuaian, pelbagai penggunaan ruang, serta kegunaan sosial dan ekonomi campuran di kawasan terbina, untuk mengelakkan rebakan bandar, untuk mengurangkan cabaran mobiliti dan keperluan serta kos perkhidmatan penghantaran per kapita, dan untuk memanfaatkan ketumpatan dan skala ekonomi dan penumpuan, sebagaimana yang sesuai.

99. Kami akan menyokong pelaksanaan strategi perancangan bandar, sebagaimana yang sesuai, yang memudahkan campuran sosial melalui penyediaan pilihan perumahan yang berpatutan dengan akses kepada perkhidmatan asas dan ruang awam yang berkualiti untuk semua, meningkatkan jaminan keselamatan dan keselamatan, memihak interaksi sosial dan antara generasi dan kepelbagaian penghargaaan. Kami akan mengambil langkah-langkah untuk memasukkan latihan dan sokongan yang sesuai untuk penyampaian perkhidmatan profesional bagi masyarakat yang tinggal di kawasan yang dilanda keganasan bandar.

100. Kami akan menyokong penyediaan rangkaian yang direka dengan selamat, inklusif untuk semua penduduk, mudah diakses, hijau, dan ruang awam dan jalan-jalan berkualiti, bebas daripada jenayah dan keganasan, termasuk gangguan seksual dan keganasan berasaskan jantina, mempertimbangkan skala-kemanusiaan dan langkah-langkah yang membolehkan kemungkinan penggunaan komersial yang terbaik ruang aras jalan, memupuk pasaran tempatan

dan perdagangan, secara rasmi dan tidak rasmi, serta inisiatif komuniti bukan untuk keuntungan, kehadiran ke dalam ruang awam, menggalakkan trend mesra pejalan kaki dan berbasikal ke arah meningkatkan kesihatan dan kesejahteraan.

101. Kami akan mengintegrasikan pengurangan risiko bencana, dan adaptasi perubahan iklim dan pertimbangan mitigasi dan langkah-langkah ke dalam proses pembangunan dan perancangan bandar dan wilayah bersandarkan umur dan responsif jantina, termasuk pelepasan gas rumah hijau, reka bentuk ruang berdasarkan daya tahan dan iklim efektif, bangunan, dan pembinaan, perkhidmatan dan infrastruktur, dan penyelesaian berasaskan alam semula jadi; menggalakkan kerjasama dan penyelarasan di antara sektor, serta membina keupayaan pihak berkuasa tempatan untuk membangun dan melaksana rancangan pengurangan risiko bencana dan tindak balas, seperti penilaian risiko kepada lokasi kemudahan awam semasa dan akan datang; dan merumuskan prosedur pemindahan luar jangka yang mencukupi.

102. Kami akan berusaha untuk meningkatkan kapasiti bagi perancangan bandar dan reka bentuk dan menyediakan latihan untuk perancang bandar di peringkat kebangsaan, sub-nasional, dan tempatan.

103. Kami akan mengintegrasikan langkah inklusif untuk keselamatan bandar, dan pencegahan jenayah dan keganasan, termasuk keganasan dan ekstremisme ganas menjurus kepada keganasan, melibatkan masyarakat tempatan dan aktor bukan kerajaan yang berkaitan, di mana sesuai, dalam membangunkan strategi dan inisiatif bandar, termasuk mengambil kira kawasan miskin dan penempatan tidak formal, serta kelemahan dan faktor budaya dalam pembangunan keselamatan awam, dan dasar jenayah dan pencegahan keganasan, termasuk melalui cara mencegah dan menentang stigma golongan tertentu yang menimbulkan ancaman keselamatan lebih besar.

104. Kami akan menggalakkan pematuhan undang-undang melalui rangka kerja pengurusan inklusif yang mantap dan institusi yang bertanggungjawab berurusan dengan pendaftaran tanah dan tadbir urus, mengguna pakai pengurusan yang telus dan mampan untuk penggunaan tanah, pendaftaran harta, dan sistem kewangan yang teguh. Kami akan menyokong kerajaan tempatan dan pihak berkepentingan yang berkaitan, melalui pelbagai mekanisme, dalam membangun dan mengguna maklumat asas inventori tanah, seperti kadaster, penilaian dan risiko peta, serta rekod harga tanah dan perumahan untuk menjana data berkualiti tinggi, tepat pada masanya dan dipercayai mengikut pecahan pendapatan, jantina, umur, bangsa, etnik, status penghijrahan, kecacatan, lokasi geografi, dan ciri-ciri lain yang berkaitan dalam konteks negara, yang diperlukan untuk menilai perubahan dalam nilai tanah, di samping memastikan bahawa data tidak akan digunakan untuk dasar diskriminasi ke atas penggunaan tanah.

105. Kami akan memupuk kesedaran progresif untuk hak perumahan yang mencukupi, sebagai komponen hak untuk standard sara hidup yang mencukupi. Kami akan membangunkan dan melaksanakan dasar-dasar perumahan di semua peringkat, dengan perancangan yang jitu, dan menggunakan prinsip kekadaran (subsidiarity), sebagaimana yang sesuai, untuk memastikan

kepaduan antara strategi pembangunan pusat, sub-nasional dan tempatan, dasar tanah, dan bekalan perumahan.

106. Kami akan menggalakkan dasar perumahan berdasarkan prinsip penyertaan sosial, keberkesanan ekonomi dan perlindungan alam sekitar. Kami akan menyokong keberkesanan penggunaan sumber awam untuk perumahan yang mampu dimiliki dan mampan, termasuk tanah bandar di kawasan tengah dan kawasan gabungan dengan infrastruktur yang mencukupi, dan menggalakkan pembangunan pendapatan bercampur untuk menggalakkan penyertaan sosial dan perpaduan.

107. Kami akan menggalakkan pembangunan dasar, alatan, mekanisme, dan model pembiayaan yang menggalakkan akses kepada pelbagai pilihan perumahan mampan yang berpatutan, termasuk sewa dan tempoh pilihan lain, dan juga penyelesaian kerjasama seperti perumahan berkongsi kemudahan (cohousing), amanah tanah komuniti, dan lain-lain bentuk tempoh kolektif, yang akan menangani perubahan keperluan masyarakat, dalam usaha untuk meningkatkan bekalan perumahan, terutamanya bagi golongan berpendapatan rendah dan untuk mengelakkan pengasingan dan pengusiran paksa dan perbezaan sewenang-wenangnya, untuk menyediakan penempatan semula yang mencukupi dan bermakna. Ini termasuk sokongan kepada skim perumahan tambahan dan binaan sendiri, dengan perhatian khusus kepada program menaik taraf kawasan miskin dan penempatan tidak formal.

108. Kami akan menyokong pembangunan dasar perumahan yang menggalakkan pendekatan perumahan bersepadu tempatan dengan menangani hubungan yang erat antara pendidikan, pekerjaan, perumahan, dan kesihatan, serta mencegah pengecualian dan pengasingan. Tambahan pula, kami komited untuk menghalang ketiadaan tempat tinggal dan juga memerangi dan menghapuskan jenayah melalui rangkuman dasar-dasar khusus dan strategi penyertaan aktif bersasaran, seperti program perumahan pertama yang komprehensif, inklusif dan mampan.

109. Kami akan mempertimbangkan peningkatan peruntukan sumber kewangan dan tenaga kerja, sebagaimana yang sesuai, untuk menaik taraf dan, setakat mana yang boleh, pencegahan kawasan miskin dan penempatan tidak formal dalam peruntukan sumber kewangan dan kemanusiaan dengan strategi yang melampaui penambahbaikan fizikal dan alam sekitar, untuk memastikan bahawa kawasan miskin dan penempatan tidak formal disepadukan ke dalam dimensi sosial, ekonomi, budaya dan politik bandar. Strategi ini hendaklah termasuk, jika berkenaan, akses kepada perumahan yang mampan, mencukupi, selamat dan berpatutan; perkhidmatan asas dan sosial; dan selamat, inklusif, mudah diakses, hijau, dan ruang awam berkualiti; dan mereka harus menggalakkan keselamatan tempoh pemegangan dan penyusunannya semula, serta langkah-langkah untuk pencegahan konflik dan pengantaraan.


110. Kami akan menyokong usaha untuk menentukan dan mengukuhkan sistem pemantauan inklusif dan telus bagi mengurangkan kadar penduduk yang tinggal di kawasan miskin dan penempatan tidak formal, dengan mengambil kira pengalaman yang diperolehi daripada usaha sebelumnya untuk memperbaiki keadaan hidup setinggan dan penempatan tidak rasmi penghuni.

111. Kami akan menggalakkan pembangunan peraturan yang mencukupi dan boleh dikuatkuasakan di sektor perumahan, termasuk, sebagai kod undang-undang bangunan berdaya tahan, standard, permit pembangunan, undang-undang kecil dan peraturan penggunaan tanah, dan peraturan perancangan, memerangi dan mencegah spekulasi, anjakan, ketiadaan tempat tinggal, dan pengusiran paksa sewenang-wenangnya, memastikan kemampunan, kualiti, kemampuan, kesihatan, keselamatan, akses, tenaga dan kecekapan sumber, dan daya tahan. Kami juga akan menggalakkan analisis terbeza terhadap bekalan perumahan dan permintaan berdasarkan data mengikut pecahan yang berkualiti tinggi, tepat pada masanya dan dipercayai, di peringkat kebangsaan, sub-nasional dan tempatan, dengan mempertimbangkan dimensi sosial, ekonomi, alam sekitar, dan budaya tertentu.

112. Kami akan menggalakkan pelaksanaan program bandar pembangunan dengan perumahan dan keperluan rakyat yang mampan berpaksikan strategi, skim perumahan yang mengutamakan lokasi terbaik dan teragih untuk mengelakkan perkembangan perumahan periferal besar-besaran yang terencil dan terpisah daripada sistem bandar, tanpa mengira segmen sosial dan ekonomi yang mana mereka dibangunkan dan menyediakan penyelesaian untuk keperluan perumahan golongan berpendapatan rendah.

113. Kami akan mengambil langkah-langkah untuk meningkatkan keselamatan jalan raya dan mengintegrasikan keperluan tersebut ke dalam reka bentuk perancangan infrastruktur mobiliti dan pengangkutan yang mampan. Disertai dengan inisiatif peningkatan kesedaran, kami akan menggalakkan pendekatan sistem yang selamat seperti yang digariskan dalam Dekad Tindakan Keselamatan Jalan Raya Bangsa-Bangsa Bersatu, dengan perhatian khusus kepada keperluan semua wanita dan kanak-kanak perempuan, serta anak-anak dan remaja, warga tua dan orang yang kurang upaya, dan kumpulan rentan. Kami akan berusaha untuk menerima pakai, melaksana, dan menguatkuasakan dasar-dasar dan langkah-langkah untuk melindungi secara aktif keselamatan pejalan kaki dan mobiliti berbasikal, dengan tujuan untuk memperluas kemantapan kesihatan, khususnya pencegahan kecederaan dan penyakit-penyakit tidak berjangkit, dan kami akan berusaha untuk membangun dan melaksana undang-undang dan dasar-dasar yang menyeluruh mengenai keselamatan penunggang motosikal, memandangkan ketakpadanan peningkatan kematian motosikal dan kecederaan di seluruh dunia yang tinggi, terutamanya di negara-negara membangun. Kami akan menggalakkan perjalanan selamat dan keupayaan ke sekolah untuk setiap kanak-kanak sebagai keutamaan.

114. Kami akan menggalakkan akses untuk semua, merangkumi semua peringkat umur dan jantina, untuk mobiliti bandar dengan sistem pengangkutan darat dan laut yang responsif, berpatutan, boleh guna, dan mampan, membolehkan penyertaan yang lebih bermakna dalam aktiviti sosial dan ekonomi di bandar-bandar dan penempatan manusia, dengan mengintegrasikan rancangan pengangkutan dan mobiliti ke dalam keseluruhan pelan bandar dan wilayah dan menggalakkan pelbagai pengangkutan dan mobiliti pilihan, khususnya melalui sokongan:



(a) peningkatan yang ketara dalam pengaksasan infrastruktur pengangkutan awam mampan yang selamat, cekap, harga yang berpatutan, serta pilihan mobiliti tidak bermotor seperti berjalan dan berbasikal, diutamakan berbanding pengangkutan bermotor persendirian;

(b) 'pembangunan berorientasikan transit (TOD)' secara saksama yang mampu mengurangkan perbezaan khususnya terhadap golongan miskin dan bercirikan perumahan mampan milik untuk pendapatan bercampur dan gabungan pekerjaan dan perkhidmatan;

(c) perancangan pengangkutan guna tanah yang baik dan terselaras, yang membawa kepada pengurangan keperluan perjalanan dan pengangkutan, meningkatkan hubungan antara kawasan bandar, pinggir bandar, dan luar bandar, termasuk jalan air dan pengangkutan dan perancangan mobiliti, terutamanya bagi negara-negara kepulauan kecil dan bandar-bandar persisiran pantai;

(d) konsep perancangan pengangkutan dan logistik bandar yang membolehkan akses yang cekap kepada produk dan perkhidmatan, mengurangkan kesan alam sekitar dan agar bandar sesuai untuk didiami (livability) dan memaksimumkan sumbangan kepada pertumbuhan ekonomi yang berterusan, inklusif dan mampan.

115. Kami akan mengambil langkah-langkah untuk membangunkan mekanisme dan rangka kerja yang sama di peringkat kebangsaan, sub-nasional, dan tempatan untuk menilai manfaat yang lebih luas terhadap skim pengangkutan bandar dan metropolitan, termasuk kesan ke atas alam sekitar, ekonomi, perpaduan sosial, kualiti hidup, akses, keselamatan jalan raya, kesihatan awam, dan tindakan terhadap perubahan iklim, antara lain.

116. Kami akan menyokong pembangunan mekanisme dan rangka kerja, berdasarkan dasar-dasar nasional pengangkutan dan pergerakan bandar yang mampan, untuk perolehan terbuka, telus dan mampan dan peraturan pengangkutan dan mobiliti perkhidmatan di kawasan bandar dan metropolitan, termasuk teknologi baru yang membolehkan perkongsian perkhidmatan mobiliti, serta pembangunan hubungan kontrak yang jelas, telus, dan bertanggungjawab antara kerajaan tempatan dan pembekal pengangkutan dan perkhidmatan mobiliti termasuk pengurusan data, yang seterusnya menjamin kepentingan awam, melindungi privasi individu, dan penentuan tanggungjawab bersama.

117. Kami akan menyokong penyelarasan yang lebih baik antara jabatan pengangkutan dan perancangan bandar dan wilayah, melalui persefahaman perancangan dan polisi rangka kerja, di peringkat kebangsaan, sub-nasional, dan tempatan, termasuk melalui pelan pengangkutan dan mobiliti bandar dan metropolitan mampan. Kami akan menyokong sub-nasional dan kerajaan tempatan dalam membangunkan pengetahuan dan keupayaan untuk melaksana dan menguatkuasa rancangan berkaitan.

118. Kami akan menggalakkan kerajaan pusat, sub-nasional, dan kerajaan tempatan untuk membangun dan mengembangkan instrumen pembiayaan, yang membolehkan mereka

meningkatkan infrastruktur dan sistem, seperti sistem transit aliran massa, sistem bersepadu pengangkutan udara dan sistem kereta api, dan infrastruktur untuk pejalan kaki dan penunggang basikal yang selamat dan mencukupi, dan inovasi berasaskan teknologi dalam pengangkutan dan sistem transit untuk mengurangkan kesesakan dan pencemaran sambil meningkatkan kecekapan, sambungan, akses, kesihatan dan kualiti hidup.

119. Kami akan menggalakkan pelaburan yang mencukupi dalam infrastruktur dan perkhidmatan perlindungan, yang boleh diakses dan mampan, untuk sistem penyediaan air, sanitasi, dan kebersihan, kumbahan, pengurusan sisa pepejal, saliran bandar, pengurangan pencemaran udara, dan pengurusan air hujan, dalam usaha untuk meningkatkan keselamatan terhadap bencana yang berkaitan dengan air, kesihatan, dan memastikan akses sejagat dan saksama serta selamat dan berpatutan bagi air minuman untuk semua; serta akses kepada sanitasi dan kebersihan yang mencukupi dan saksama untuk semua; dan menamatkan defekasi secara terbuka, dengan perhatian khusus kepada keperluan dan keselamatan wanita dan kanak-kanak perempuan dan kumpulan rentan. Kami akan berusaha untuk memastikan infrastruktur ini adalah berdaya tahan dengan iklim, dan membentuk sebahagian daripada pelan pembangunan bandar dan wilayah bersepadu, termasuk perumahan dan mobiliti, antara lain, dan dilaksanakan secara bersama, mengambil kira konsep inovatif, sumber yang cekap, boleh diakses, konteks tertentu, dan penyelesaian mampan yang mengambil kira sensitiviti budaya.

120. Kami akan berusaha untuk melengkapkan kemudahan awam untuk air dan sanitasi dengan kapasiti untuk melaksanakan sistem pengurusan air yang mampan, termasuk penyelenggaraan mampan perkhidmatan infrastruktur bandar, melalui pembangunan kapasiti dengan matlamat untuk beransur-ansur menghapuskan ketidaksamaan, dan menggalakkan akses sejagat dan saksama bagi air minuman yang selamat dan berpatutan untuk semua, dan kemudahan sanitasi yang mencukupi, saksama dan bersih untuk semua.

121. Kami akan memastikan akses sejagat kepada perkhidmatan tenaga moden yang mampu dimiliki dan boleh dipercayai, melalui penggalakan kecekapan tenaga dan jenis tenaga boleh diperbaharui yang mampan, dan menyokong usaha sub-nasional dan tempatan; untuk aplikasi dalam bangunan awam, infrastruktur dan kemudahan, serta terlibat dengan kawalannya secara langsung, jika berkenaan, untuk infrastruktur dan kod domestik, untuk memupuk pengambilan dalam sektor penggunaan-akhir, seperti bangunan kediaman, perdagangan dan perindustrian, industri, pengangkutan, bahan buangan, dan sanitasi. Kami juga menggalakkan penggunaan kod bangunan prestasi dan standard, sasaran portfolio boleh diperbaharui, kecekapan tenaga pelabelan, peningkatarafan bangunan yang sedia ada dan dasar-dasar perolehan awam berkaitan tenaga, sebagai antara kaedah yang sesuai untuk mencapai sasaran kecekapan tenaga. Kami juga akan mengutamakan grid pintar, sistem tenaga daerah, dan pelan tenaga untuk masyarakat bagi meningkatkan sinergi antara tenaga boleh diperbaharui dan kecekapan tenaga.

122. Kami akan menyokong keputusan berpusat atas pelupusan sisa untuk menggalakkan akses sejagat kepada sistem pengurusan sisa mampan. Kami akan menyokong promosi skim tanggungjawab pengeluar dilanjutkan, termasuk penjana sisa dan pengeluar dalam pembiayaan

sistem pengurusan sisa bandar dan mengurangkan bahaya dan kesan ekonomi sosial berkaitan aliran sisa dan meningkatkan kadar pengitaran semula melalui reka bentuk produk yang lebih baik.

123. Kami akan menggalakkan integrasi keselamatan makanan dan pemakanan terutamanya untuk keperluan penduduk bandar, dalam perancangan bandar dan wilayah berkaitan golongan miskin, untuk menamatkan kebuluran dan kekurangan zat makanan. Kami akan menggalakkan penyelarasan dasar-dasar keselamatan makanan dan pertanian mampan di seluruh kawasan bandar, pinggir bandar, dan luar bandar bagi memudahkan pengeluaran, penyimpanan, pengangkutan, dan pemasaran makanan kepada pengguna dengan cara yang mencukupi dan mampu dimiliki untuk mengurangkan kerugian makanan dan untuk mencegah dan penggunaan semula sisa makanan. Kami akan menggalakkan lagi penyelarasan dasar-dasar makanan dengan urusan tenaga, air, kesihatan, pengangkutan, dan sisa - dan mengekalkan kepelbagaian genetik benih dan mengurangkan penggunaan bahan kimia berbahaya - dan dasar lain di kawasan bandar untuk memaksimumkan kecekapan dan mengurangkan sisa buangan.

124. Kami akan memasukkan budaya sebagai komponen utama dalam perancangan bandar dan strategi dalam penggunaan instrumen perancangan, termasuk pelan induk, garis panduan penezonan, kod bangunan, dasar pengurusan pantai dan dasar pembangunan strategik yang melindungi pelbagai jenis budaya warisan dan landskap ketara dan tidak ketara, dan akan melindungi mereka daripada potensi kesan pembangunan bandar.

125. Kami akan menyokong memanfaatkan warisan budaya untuk pembangunan bandar yang mampan, dan mengiktiraf peranannya dalam menggalakkan penyertaan dan tanggungjawab, dan menggalakkan penggunaan inovatif dan mampan dalam menguruskan monumen dan tapak seni bina dengan tujuan untuk penciptaan nilai, melalui usaha pemulihan dan penyesuaian yang terbaik. Kami akan melibatkan Orang Asli dan komuniti tempatan dalam promosi dan penyebaran pengetahuan berkenaan warisan budaya ketara dan tidak ketara dan perlindungan ungkapan dan bahasa tradisional, termasuk melalui penggunaan teknologi dan teknik-teknik baru.

Cara pelaksanaan

126. Kami menyedari bahawa pelaksanaan Agenda Perbandaran Baharu memerlukan persekitaran yang diperlukan dan pelbagai cara pelaksanaan termasuk akses kepada sains, teknologi dan inovasi dan meningkatkan perkongsian pengetahuan atas terma yang dipersetujui bersama, pembangunan kapasiti, dan mobilisasi sumber kewangan, dengan mengambil kira komitmen negara-negara maju dan negara membangun, memanfaatkan semua sumber tradisional dan inovatif yang ada di peringkat global, serantau, kebangsaan, sub-nasional dan tempatan serta peningkatan kerjasama antarabangsa dan perkongsian di kalangan kerajaan di semua peringkat, sektor swasta, masyarakat sivil, sistem Bangsa-Bangsa Bersatu, dan aktor lain, berdasarkan prinsip-prinsip kesaksamaan, tanpa diskriminasi, akauntabiliti, menghormati hak asasi manusia dan perpaduan, terutamanya dengan golongan paling miskin dan rentan.



127. Kami mengesahkan komitmen kepada cara pelaksanaan termasuk dalam Agenda Pembangunan Mampan 2030 dan Tindakan Agenda Addis Ababa untuk Pembiayaan Pembangunan.

128. Kami akan menggalakkan PBB-Habitat, serta lain-lain program dan agensi-agensi PBB dan pihak berkepentingan lain untuk menjana panduan berasaskan bukti yang praktikal bagi pelaksanaan Agenda Perbandaran Baharu dan dimensi bandar berkaitan Matlamat Pembangunan Mampan, dengan kerjasama wakil negara, pihak berkuasa tempatan, kumpulan utama, dan pihak berkepentingan lain yang berkaitan, serta melalui mobilisasi pakar. Kami membina legasi Persidangan III Habitat dan pengajaran yang diperoleh daripada proses persediaan, termasuk mesyuarat serantau dan bertema. Kami mengambil maklum, dalam konteks ini, sumbangan berharga, antara lain, ialah Kempen Perbandaran Dunia, Perhimpunan Agung Pertubuhan Perkongsian Habitat III, dan Alatan Rangkaian Darat Dunia.

129. Kami menggesa PBB-Habitat untuk meneruskan tugasnya untuk membangunkan pengetahuan normatif dan menyediakan pembangunan kapasiti dan alat untuk kerajaan pusat, sub-nasional dan kerajaan tempatan dalam mereka bentuk, merancang, dan mengurus pembangunan bandar mampan.

130. Kami menyedari bahawa pembangunan bandar yang mampan, berpandukan dasar dan strategi bandar semasa, sebagaimana yang sesuai, boleh mendapat manfaat daripada rangka kerja pembiayaan bersepadu yang disokong oleh persekitaran yang diperlukan di semua peringkat. Kami mengakui kepentingan memastikan bahawa segala cara pelaksanaan kewangan diterapkan ke dalam rangka kerja dasar dan proses desentralisasi fiskal di mana ada, dan kapasiti yang mencukupi dibangunkan di semua peringkat.

131. Kami menyokong pendekatan peka konteks dalam pembiayaan perbandaran dan dalam meningkatkan kapasiti pengurusan kewangan di semua peringkat kerajaan, mengguna pakai instrumen tertentu dan mekanisme yang perlu untuk mencapai pembangunan bandar yang mampan, atas kesedaran bahawa setiap kerajaan pusat mempunyai tanggungjawab utama masing-masing dalam pembangunan ekonomi dan sosial.

132. Kami akan menggerakkan sumber-sumber dalaman dan pendapatan yang dihasilkan melalui manfaat perbandaran, serta kesan memangkin dan memaksimumkan pelaburan awam dan swasta dalam usaha untuk memperbaiki keadaan kewangan bagi pembangunan bandar dan akses terbuka kepada sumber-sumber tambahan, serta mengiktiraf bahawa, untuk semua negara, dasar awam dan penggemblengan serta keberkesanan penggunaan sumber dalam negeri, disokong oleh prinsip pemilihan negara, adalah penting kepada usaha pembangunan bandar mampan, termasuk pelaksanaan Agenda Perbandaran Baharu.

133. Kami menyeru sektor perniagaan untuk menggunakan kreativiti dan inovasi mereka ke arah menyelesaikan cabaran pembangunan mampan di kawasan bandar, mengakui bahawa aktiviti perniagaan swasta, pelaburan, dan inovasi adalah pemacu utama produktiviti, pertumbuhan inklusif dan mewujudkan peluang pekerjaan dan pelaburan swasta terutamanya pelaburan langsung asing

(FDI), bersama-sama dengan sistem kewangan antarabangsa yang stabil, adalah unsur-unsur penting dalam usaha pembangunan.

134. Kami akan menyokong dasar yang bersesuaian dan kapasiti yang membolehkan sub-nasional dan kerajaan tempatan untuk mendaftar dan menyeimbangkan pendapatan potensi mereka, seperti melalui kadaster pelbagai guna, cukai tempatan, yuran dan caj perkhidmatan, selaras dengan dasar-dasar negara, manakala memastikan wanita dan kanak-kanak perempuan, kanak-kanak dan remaja, warga tua, orang kurang upaya, Orang Asli dan masyarakat setempat, dan isi rumah miskin tidak terjejas.

135. Kami akan menggalakkan sistem pemindahan kewangan yang telus daripada kerajaan pusat kepada sub-nasional dan kerajaan tempatan berdasarkan keperluan, keutamaan, fungsi, mandat, dan insentif berasaskan prestasi, sewajarnya, untuk menyediakan mereka dengan sumber dana yang mencukupi, tepat pada masanya, dan boleh diramal dan meningkatkan kebolehan mereka sendiri untuk meningkatkan perolehan dan menguruskan perbelanjaan.

136. Kami akan menyokong pembangunan model menegak dan mendatar dalam pengagihan sumber kewangan untuk mengurangkan ketidaksamaan seluruh wilayah sub-nasional, dalam pusat-pusat bandar, dan di antara kawasan bandar dan luar bandar, dan juga untuk menggalakkan pembangunan wilayah bersepadu dan seimbang. Dalam hal ini, kami menekankan kepentingan meningkatkan ketelusan data perbelanjaan dan peruntukan sumber sebagai alat untuk menilai kemajuan ke arah ekuiti dan integrasi spatial.

137. Kami akan menggalakkan amalan terbaik untuk mendapatkan dan berkongsi data peningkatan nilai tanah dan harta yang terhasil daripada proses pembangunan bandar, projek-projek infrastruktur, dan pelaburan awam. Langkah-langkah boleh dilaksanakan, sebagaimana yang sesuai, untuk mengelakkan hanya pengambilan data swasta, serta tanah dan hartanah yang dispekulasi, seperti dasar fiskal keuntungan yang berkaitan. Kami akan mengukuhkan pautan di kalangan sistem fiskal, perancangan bandar, dan juga sebagai alat pengurusan bandar, termasuk peraturan-peraturan pasaran tanah. Kami akan berusaha untuk memastikan bahawa usaha untuk menjana kewangan berasaskan tanah tidak mengakibatkan penggunaan tanah tidak mampan.

138. Kami akan menyokong sub-nasional dan kerajaan tempatan untuk melaksanakan instrumen kawalan perbelanjaan telus dan bertanggungjawab untuk menilai keperluan dan kesan pelaburan dan projek-projek tempatan, berdasarkan kawalan perundangan dan penyertaan awam, sebagaimana yang sesuai, untuk menyokong proses tender terbuka dan adil, mekanisme perolehan, dan pelaksanaan bajet yang boleh dipercayai, serta langkah-langkah pencegahan dan anti-rasuah untuk menggalakkan integriti, akauntabiliti, pengurusan yang berkesan, dan akses kepada harta benda dan tanah awam, selaras dengan dasar-dasar negara.

139. Kami akan menyokong penciptaan rangka kerja undang-undang dan peraturan yang mantap bagi pinjaman kerajaan pusat dan perbandaran yang mampan, atas dasar pengurusan hutang mampan, disokong oleh pendapatan dan kapasiti yang mencukupi, dengan cara kredit



tempatan serta pasaran hutang perbandaran yang mampu berkembang mampan apabila sesuai. Kami akan mempertimbangkan penubuhan perantara kewangan yang sesuai bagi pembiayaan bandar, seperti, dana serantau kerajaan pusat, sub-nasional dan pembangunan dana tempatan atau bank-bank pembangunan, termasuk mekanisme pembiayaan terkumpul, yang boleh menjadi pemangkin pembiayaan awam dan swasta, nasional dan antarabangsa. Kami akan berusaha untuk menggalakkan mekanisme pengurangan risiko seperti Agensi Jaminan Pelaburan Multilateral, dan pada yang sama menguruskan risiko mata wang, untuk mengurangkan kos modal dan untuk merangsang sektor swasta dan isi rumah untuk mengambil bahagian dalam usaha pembangunan perbandaran mampan dan pembangunan berdaya tahan, termasuk akses kepada mekanisme pemindahan risiko.

140. Kami akan menyokong pembangunan produk pembiayaan perumahan yang sesuai dan berpatutan; dan menggalakkan penyertaan pelbagai institusi kewangan, bank pembangunan serantau, dan institusi pembangunan kewangan; agensi kerjasama; pemberi pinjaman sektor swasta dan pelabur, koperasi, peminjam wang, dan bank-bank pembiayaan mikro untuk melabur dalam perumahan mampu milik dan perumahan tambahan dalam semua bentuk.

141. Kami juga akan menimbang untuk menubuhkan dana infrastruktur pengangkutan dan perkhidmatan bandar dan wilayah di peringkat kebangsaan, berdasarkan pelbagai sumber dana, yang terdiri daripada geran awam dan daripada sumbangan entiti awam yang lain serta sektor swasta, dan turut memastikan wujudnya penyelarasan, campur tangan dan akauntabiliti.

142. Kami menjemput institusi kewangan multilateral antarabangsa, bank pembangunan serantau, institusi kewangan pembangunan, dan agensi kerjasama untuk menyediakan sokongan kewangan, termasuk melalui mekanisme kewangan yang inovatif, untuk program-program dan projek-projek berkaitan pelaksanaan Agenda Perbandaran Baharu, terutamanya di negara-negara membangun.

143. Kami menyokong akses kepada dana multilateral yang berbeza, termasuk Kumpulan Wang Iklim Hijau, Kemudahan Alam Sekitar Sedunia, Dana Adaptasi dan Dana Pelaburan Iklim, sebagai sumber untuk rancangan, dasar, dan program penyesuaian dan pengurangan perubahan iklim, dan tindakan bagi kerajaan sub-nasional dan tempatan, dalam rangka prosedur yang dipersetujui. Kami akan bekerjasama dengan institusi kewangan sub-nasional dan tempatan, sebagaimana yang sesuai, untuk membangunkan penyelesaian infrastruktur kewangan iklim dan untuk mewujudkan mekanisme yang sesuai untuk mengenalpasti instrumen kewangan pemangkin, selaras dengan mana-mana rangka kerja nasional bagi memastikan kemampan fiskal dan hutang di semua peringkat kerajaan.

144. Kami akan meneroka dan membangunkan penyelesaian boleh dilaksanakan untuk berhadapan risiko iklim dan bencana di bandar-bandar dan penempatan manusia, termasuk melalui kerjasama dengan institusi insurans dan insurans semula, dan aktor lain yang berkaitan, berkenaan dengan pelaburan dalam infrastruktur bandar dan metropolitan, bangunan, dan aset bandar lain, dan juga untuk penduduk tempatan mendapatkan tempat tinggal dan keperluan ekonomi mereka.

145. Kami menyokong penggunaan dana kewangan awam antarabangsa, termasuk Bantuan Pembangunan Rasmi (ODA), antara lain, untuk menjadi pemangkin mobilisasi sumber tambahan daripada semua sumber yang ada, sama ada awam atau swasta, untuk pembangunan bandar dan wilayah yang mampan, termasuk dengan mengurangkan risiko untuk bakal pelabur memandangkan bahawa dana kewangan awam antarabangsa memainkan peranan penting dalam melengkapkan usaha-usaha kerajaan pusat untuk menggerakkan sumber awam dalam negara, terutama di negara-negara yang paling miskin dan paling terdedah dengan sumber-sumber domestik yang terhad.

146. Kami akan meluaskan peluang kerjasama Utara-Selatan, Selatan-Selatan dan kerjasama segi tiga serantau dan antarabangsa, serta sub-nasional, berpusat, dan kerjasama antara bandaraya ke bandar, sebagaimana yang sesuai, untuk menyumbang kepada pembangunan bandar yang mampan, pembangunan kapasiti dan mengadakan pertukaran penyelesaian bandar dan pembelajaran bersama di semua peringkat dan oleh semua pihak yang berkaitan.

147. Kami akan menggalakkan pembangunan kapasiti dengan pelbagai pendekatan sebagai cara menangani keupayaan pelbagai pihak berkepentingan dan institusi di semua peringkat tadbir urus, dan menggabungkan individu, masyarakat, dan keupayaan institusi untuk merangka, melaksanakan, meningkatkan, mengurus, memantau, dan menilai dasar awam untuk pembangunan bandar yang mampan.

148. Kami akan menggalakkan pengukuhan kapasiti peringkat kebangsaan, sub-nasional, dan kerajaan tempatan, termasuk persatuan kerajaan tempatan, sebagaimana yang sesuai, bagi berkhidmat untuk wanita dan gadis, kanak-kanak dan remaja, warga tua dan orang kurang upaya, Orang Asli dan masyarakat tempatan, dan golongan rentan dan juga dengan masyarakat awam, ahli akademik, dan institusi penyelidikan dalam membentuk proses tadbir urus organisasi dan institusi, membolehkan mereka untuk menyertai secara berkesan dalam membuat keputusan berkenaan pembangunan bandar dan wilayah.

149. Kami akan menyokong persatuan peringkat kerajaan tempatan sebagai penganjur dan penyedia kapasiti pembangunan, mengiktiraf dan memperkukuhkan, sebagaimana yang sesuai, berkenaan penglibatan mereka dalam perundingan kebangsaan mengenai dasar bandar dan keutamaan pembangunan, dan kerjasama dengan kerajaan sub-nasional dan tempatan, bersama-sama dengan masyarakat sivil, sektor swasta, profesional, institusi akademik dan penyelidikan, dan rangkaian sedia ada mereka, untuk menyampaikan kepada program pembangunan kapasiti dengan cara pembelajaran setara dua pihak, perkongsian perkara yang berkaitan dan tindakan kolaborasi seperti kerjasama antara perbandaran, pada skala global, serantau, kebangsaan, sub-nasional dan tempatan, termasuk penubuhan rangkaian pengamal dan mempraktik dasar sains.

150. Kami menekankan keperluan untuk meningkatkan kerjasama dan pertukaran pengetahuan dalam bidang sains, teknologi dan inovasi untuk manfaat pembangunan bandar yang mampan, dalam pertautan penuh, penyelarasan dan sinergi dengan proses Mekanisme Pemudahan Teknologi yang ditubuhkan di bawah Agenda Tindakan Addis Ababa yang telah dilancarkan di bawah Agenda 2030 bagi Pembangunan Mampan.

151. Kami akan menggalakkan program pembangunan kapasiti untuk membantu kerajaan sub-nasional dan tempatan dalam perancangan dan pengurusan kewangan, berpaksikan penyelarasan institusi di semua peringkat, termasuk langkah-langkah sensitiviti alam sekitar dan anti-rasuah, menyokong pengawasan telus dan bebas, pemerolehan perakaunan, laporan, pengauditan dan pemantauan proses, antara lain, dan untuk menyemak prestasi dan pematuhan sub-nasional dan kerajaan pusat, dengan perhatian khusus kepada belanjawan yang responsif kepada pelbagai peringkat umur dan jantina, dan penambahbaikan dan pendigitalan proses dan rekod perakaunan, untuk menggalakkan pendekatan berasaskan hasil, dan untuk membina kapasiti pentadbiran dan teknikal jangka sederhana hingga panjang.

152. Kami akan menggalakkan program pembangunan kapasiti ke atas pendapatan hasil penggunaan tanah berasaskan undang-undang dan alat pembiayaan serta fungsi pasaran hartanah untuk pembuat dasar dan pegawai-pegawai awam tempatan memberi tumpuan kepada asas-asas undang-undang dan ekonomi dalam penetapan nilai, termasuk kuantifikasi, merekod, dan pengedaran maklumat kenaikan nilai tanah.

153. Kami akan menggalakkan penggunaan perkongsian sistematik pelbagai pihak berkepentingan dalam proses pembangunan bandar, sebagaimana yang sesuai, mewujudkan dasar yang jelas dan telus, rangka kerja dan prosedur kewangan dan pentadbiran, dan juga garis panduan perancangan untuk perkongsian pelbagai pihak berkepentingan.

154. Kami mengiktiraf sumbangan besar inisiatif kerjasama sukarela, perkongsian dan pakatan yang merancang untuk memulakan dan meningkatkan pelaksanaan Agenda Perbandaran Baharu, yang menonjolkan amalan terbaik dan penyelesaian inovatif termasuk dengan menggalakkan rangkaian yang merangkumi entiti sub-nasional, kerajaan tempatan dan pihak berkepentingan lain yang berkaitan.

155. Kami akan menggalakkan inisiatif pembangunan kapasiti untuk memperkasa dan mengukuhkan kemahiran dan kebolehan wanita dan kanak-kanak perempuan, kanak-kanak dan remaja, warga tua dan orang kurang upaya, Orang Asli dan masyarakat tempatan, dan juga golongan rentan untuk membentuk proses tadbir urus, terlibat dalam dialog, dan mempromosi dan melindungi hak asasi manusia dan anti-diskriminasi, untuk memastikan penyertaan mereka secara berkesan dalam membuat keputusan berkaitan pembangunan bandar dan wilayah.

156. Kami akan menggalakkan pembangunan dasar teknologi maklumat dan komunikasi kebangsaan dan strategi e-kerajaan dan juga sebagai alat tadbir digital bertumpuan khidmat warganegara, memanfaatkan inovasi teknologi, termasuk program pembangunan kapasiti, untuk membolehkan maklumat dan komunikasi teknologi mudah diakses oleh awam, termasuk wanita dan kanak-kanak perempuan, kanak-kanak dan belia, orang kurang upaya, warga tua dan golongan rentan, untuk membolehkan mereka membangun dan menjalankan tanggungjawab sivik, memperluaskan penyertaan dan memupuk tadbir urus yang bertanggungjawab, serta meningkatkan kecekapan. Penggunaan platform dan alat-alat digital termasuk sistem maklumat geospasial akan digalakkan untuk menambah baik perancangan jangka panjang yang bersepadu

untuk bandar dan wilayah dalam reka bentuk, pentadbiran dan pengurusan tanah, dan akses kepada perkhidmatan bandar dan metropolitan.

157. Kami akan menyokong aplikasi sains, penyelidikan dan inovasi, termasuk memberi tumpuan kepada aspek sosial, teknologi, digital dan inovasi berasaskan alam semula jadi, keteguhan dasar antara muka sains dalam perancangan bandar dan wilayah dan penggubalan dasar, serta mekanisme yang diinstitusikan untuk berkongsi dan bertukar-tukar maklumat, pengetahuan dan kepakaran, termasuk pengumpulan, analisis, standardisasi dan penyebaran berasaskan geografi, maklumat komuniti, yang berkualiti tinggi, tepat pada masanya dan data yang boleh dipercayai, yang boleh dipecahkan mengikut pendapatan, jantina, umur, bangsa, etnik, status penghijrahan, hilang upaya, lokasi geografi, dan ciri-ciri lain yang berkaitan dalam konteks kebangsaan, sub-nasional, dan tempatan.

158. Kami akan mengukuhkan data dan kapasiti statistik di peringkat kebangsaan, sub-nasional dan tempatan untuk memantau secara berkesan kemajuan yang dicapai dalam pelaksanaan dasar-dasar dan strategi pembangunan bandar yang mampan dan memaklumkan keputusan dengan ulasan yang sesuai. Prosedur pengumpulan data untuk pelaksanaan dan susulan serta kajian semula Agenda Perbandaran Baharu perlu berdasarkan sumber data kebangsaan, sub-nasional dan tempatan yang rasmi dan sumber-sumber lain yang sesuai, terbuka, telus, dan selaras dengan tujuan menghormati hak privasi dan semua obligasi dan komitmen hak asasi manusia. Kemajuan berpandu arah definisi bandar global dan penempatan manusia boleh menyokong usaha-usaha ini.

159. Kami akan menyokong peranan dan keupayaan yang dipertingkatkan untuk kerajaan pusat, sub-nasional, dan kerajaan tempatan dalam pengumpulan data, pemetaan, analisis, dan penyebaran, serta dalam menggalakkan tadbir urus berasaskan bukti, yang terbina dengan asas pengetahuan yang dikongsi berdasarkan data peringkat global serta data yang dihasilkan dalam negara, termasuk melalui banci, kaji selidik isi rumah, pendaftaran penduduk, proses pemantauan berasaskan komuniti dan sumber-sumber lain yang berkaitan, yang dipecahkan mengikut pendapatan, jantina, umur, bangsa, etnik, status penghijrahan, kecacatan, lokasi geografi, dan lain-lain ciri-ciri yang berkaitan dalam konteks kebangsaan, sub-nasional, dan tempatan.

160. Kami akan memupuk penciptaan, usaha promosi, dan peningkatan penyertaan platform data terbuka, mesra pengguna, dan yang menggunakan alat-alat teknologi dan sosial yang ada untuk memindah dan berkongsi pengetahuan di kalangan kerajaan, sub-nasional, dan tempatan dan pihak berkepentingan yang berkaitan, termasuk pihak lain dan rakyat, untuk meningkatkan keberkesanan, kecekapan dan ketelusan perancangan dan pengurusan bandar melalui pendekatan e-tadbir, teknologi maklumat dan komunikasi, dan pengurusan maklumat geospasial.

Susulan dan kajian semula

161. Kami akan menjalankan susulan dan kajian semula berkala berkenaan Agenda Perbandaran Baharu, bagi memastikan kepaduan di peringkat nasional, serantau dan global, untuk mengesan kemajuan, menilai kesan, dan memastikan pelaksanaan yang berkesan dan tepat pada masanya, akauntabiliti kepada rakyat, dan ketelusan, secara inklusif.

162. Kami menggalakkan usaha sukarela, dipimpin, terbuka, inklusif, pelbagai peringkat, penyertaan, dan ketelusan susulan dan kajian semula Agenda Perbandaran Baharu. Ia perlu mengambil kira sumbangan peringkat nasional, sub-nasional dan tempatan kerajaan, dan ditambah dengan sumbangan daripada sistem PBB, pertubuhan serantau dan sub-serantau, kumpulan utama dan pihak berkepentingan yang berkaitan, dan harus menjadi satu proses yang berterusan dengan tujuan mewujudkan dan mengukuhkan perkongsian di kalangan semua pihak berkepentingan yang berkaitan dan mengadakan pertukaran penyelesaian bandar dan pembelajaran bersama.

163. Kami mengakui kepentingan kerajaan tempatan sebagai rakan kongsi aktif dalam susulan dan kajian semula Agenda Perbandaran Baharu di semua peringkat, dan menggalakkan mereka untuk bersama-sama membangunkannya dengan kerajaan pusat dan sub-nasional, sebagaimana yang sesuai, melaksanakan susulan dan mengkaji semula mekanisme di peringkat tempatan, termasuk melalui persatuan dan platform yang sesuai. Dan di mana sesuai, kami akan mempertimbangkan pengukuhan keupayaan mereka untuk menyumbang dalam hal ini.

164. Kami menegaskan bahawa susulan dan kajian semula Agenda Perbandaran Baharu mesti mempunyai hubungan yang berkesan dengan susulan dan kajian semula Agenda Pembangunan Mampan 2030 bagi memastikan penyelarasan dan kepaduan dalam pelaksanaannya.

165. Kami mengesahkan peranan dan kepakaran Program Penempatan Manusia Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB-Habitat), dalam tempoh mandatnya, sebagai titik tumpuan untuk pembandaran dan penempatan manusia yang mampan, dengan kerjasama entiti sistem Bangsa-Bangsa Bersatu yang lain, mengiktiraf hubungan antara pembandaran mampan, dan, antara lain, pembangunan mampan, pengurangan risiko bencana, dan perubahan iklim.

166. Kami menjemput Perhimpunan Agung untuk meminta Setiausaha Agung, dengan input sukarela dari negara-negara dan organisasi serantau dan antarabangsa yang berkaitan, untuk melaporkan kemajuan pelaksanaan Agenda Perbandaran Baharu setiap empat tahun, dengan laporan pertama perlu dikemukakan semasa sesi ke-72.

167. Laporan ini akan menyediakan analisis kualitatif dan kuantitatif kemajuan yang dicapai dalam pelaksanaan Agenda Perbandaran Baharu dan matlamat dan sasaran yang berkaitan dengan urbanisasi dan penempatan manusia mampan dipersetujui di peringkat antarabangsa. Analisis ini adalah berdasarkan kepada aktiviti-aktiviti kebangsaan, sub-nasional, dan kerajaan tempatan, PBB-Habitat, entiti lain yang berkaitan dengan sistem Bangsa-Bangsa Bersatu, dan pihak berkepentingan yang berkenaan bagi menyokong pelaksanaan Agenda Perbandaran Baharu, dan laporan Majlis Pentadbiran PBB-Habitat. Laporan ini perlu menggabungkan, setakat mana yang boleh, input organisasi multilateral dan kesemua proses di mana sesuai, melibatkan masyarakat awam, sektor swasta, dan ahli akademik. Ia perlu membina platform dan proses yang sedia ada seperti Forum Bandar Sedunia yang diadakan oleh PBB-Habitat. Ia perlu mengelakkan pertindihan dan bertindak balas dengan keadaan tempatan, sub-nasional, dan pusat, dan undang-undang, kapasiti, keperluan, dan keutamaan.

168. Penyediaan laporan ini akan diselaraskan oleh PBB-Habitat, dengan kerjasama rapat dengan entiti lain yang berkaitan dalam sistem Bangsa-Bangsa Bersatu, memastikan seluruh sistem proses penyelarasan Bangsa-Bangsa Bersatu yang inklusif. Laporan ini akan dikemukakan kepada Perhimpunan Agung melalui Majlis Ekonomi dan Sosial¹⁸. Laporan ini juga akan dimasukkan ke dalam Forum Peringkat Tinggi Pembangunan Politik Mampan di bawah naungan Perhimpunan Agung, dengan tujuan ke arah memastikan kepaduan, penyelarasan dan hubungan kerjasama dengan susulan dan kajian semula Agenda Pembangunan Mampan 2030.

169. Kami akan terus mengukuhkan usaha mobilisasi melalui perkongsian, advokasi, dan aktiviti-aktiviti kesedaran mengenai pelaksanaan Agenda Perbandaran Baharu menggunakan inisiatif sedia ada seperti Hari Habitat Sedunia dan Forum Bandar Sedunia, dan juga menimbang untuk mewujudkan inisiatif baru untuk menggerak dan menjana sokongan daripada masyarakat sivil, rakyat, dan pihak berkepentingan yang berkaitan. Kami maklum betapa pentingnya untuk terus melibatkan diri dalam susulan dan kajian semula Agenda Perbandaran Baharu dengan persatuan-persatuan dalam sub-nasional dan kerajaan tempatan di mana wakilnya berada di Perhimpunan Dunia Kerajaan Tempatan dan Wilayah.

170. Kami mengesahkan resolusi Perhimpunan Agung A / RES / 51/177, A / RES / 56/206, A / RES / 67/216, A / RES / 68/239 dan A / RES / 69/226; serta resolusi lain yang berkaitan termasuk A / RES / 31/109 dan A / RES / 32/162. Kami mengulangi kepentingan lokasi ibu pejabat Nairobi PBB-Habitat.

171. Kami menekankan betapa pentingnya PBB-Habitat diberikan peranannya dalam sistem Bangsa-Bangsa Bersatu sebagai titik tumpuan pada perbandaran dan penempatan manusia mampan termasuk dalam pelaksanaan dan susulan dan kajian semula Agenda Perbandaran Baharu, dengan kerjasama entiti sistem Bangsa-Bangsa Bersatu yang lain.

172. Memandangkan Agenda Perbandaran Baharu bertujuan untuk meningkatkan keberkesanan PBB-Habitat, kami meminta Setiausaha Agung untuk mengemukakan kepada Perhimpunan Agung semasa sesi-71 akan satu penilaian berasaskan bukti dan penilaian bebas PBB-Habitat. Hasil penilaian wajar merangkumi laporan yang mengandungi cadangan untuk meningkatkan keberkesanan, kecekapan, akauntabiliti dan pengawasan PBB-Habitat dan dalam hal ini perlu menganalisis:

(a) Mandat normatif dan operasi PBB-Habitat.

(b) Struktur tadbir urus PBB-Habitat untuk lebih berkesan, dapat dipertanggungjawabkan dan telus membuat keputusan, mempertimbangkan alternatif termasuk pensejagatan keahlian Majlis Pentadbir.

¹⁸ Laporan ini bertujuan untuk menggantikan laporan Setiausaha Agung kepada Majlis Ekonomi dan Sosial mengenai pelaksanaan terselaraskan Agenda Habitat. Laporan ini juga bertujuan untuk menjadi sebahagian daripada, dan tidak tambahan kepada, laporan Setiausaha Agung yang diminta oleh Perhimpunan Agung dalam resolusi di bawah item agenda yang berkaitan.



(c) Usaha PBB-Habitat dengan kerajaan pusat, sub-nasional dan kerajaan tempatan dan dengan pihak berkepentingan yang berkaitan untuk memanfaatkan sepenuhnya potensi perkongsian.

(d) Keupayaan kewangan PBB-Habitat.

173. Kami membuat keputusan untuk mengadakan Mesyuarat Peringkat Tinggi selama dua hari semasa Perhimpunan Agung, yang dihadiri oleh Presiden Perhimpunan Agung pada sesi ke-71, untuk membincangkan keberkesanan pelaksanaan Agenda Perbandaran Baharu dan bersekali dengan kedudukan PBB-Habitat. Mesyuarat itu akan membincangkan, antara lain, amalan terbaik, berkongsi kisah kejayaan, dan langkah-langkah yang terkandung dalam laporan itu. Ringkasan oleh Pengerusi mesyuarat akan digunakan sebagai input kepada sesi ke-72 Jawatankuasa Kedua untuk dipertimbangkan tindakan yang akan diambil berdasarkan cadangan yang terkandung dalam penilaian bebas, dalam resolusi tahunannya di bawah item agenda yang berkaitan.

174. Kami menyeru Perhimpunan Agung menimbang untuk menganjurkan Persidangan Bangsa-Bangsa Bersatu keempat berkenaan Pembangunan Perumahan dan Bandar Mampan 2036 dalam komitmen politik baru untuk menilai dan menyatukan kemajuan Agenda Perbandaran Baharu.

175. Kami meminta Setiausaha Agung dalam laporan empat tahun sekali, menurut perenggan 166 di atas yang akan dibentangkan pada 2026, mengambil kira kemajuan yang dicapai dan cabaran yang dihadapi dalam pelaksanaan Agenda Perbandaran Baharu sejak penerimaannya, dan mengenal pasti langkah-langkah untuk menanganinya.

PENGHARGAAN

PENGHARGAAN

Perumusan dan penerimaan yang berjaya Agenda Perbandaran Baharu adalah disebabkan sumbangan daripada pelbagai organisasi dan individu daripada pelbagai negara, wilayah dan bandar-bandar, yang mewakili negara, subnasional, dan kerajaan tempatan, serta kawasan pelbagai pihak berkepentingan. Terima kasih dan pengiktirafan khas diberikan kepada:

Presiden Republik Equador, Rafael Correa, dan rakyat Republik Ecuador, berikutan hospitaliti dan komitmen mereka kepada Persidangan Habitat III dan Pembangunan Bandar Mampan;

Wakil-wakil Tetap dan Timbalan Wakil Tetap Republik Equador ke Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu di New York yang menyokong proses persediaan dan Persidangan itu sendiri:

Xavier Lasso Mendoza
Diego Morejón Pazmiño
Horacio Sevilla Borja
Helena Yáñez Loza;

Datuk Bandar Quito, Mauricio Rodas, serta Bandaraya Quito dan penduduknya kerana menjadi tuan rumah dan menyokong Persidangan Habitat III serta memberi sambutan hangat kepada lebih 30,000 peserta;

Wawasan dan usaha gigih serta sumbangan Biro Jawatankuasa Persediaan, membimbing proses inovasi dan penyertaan ke arah Persidangan Habitat III, terutama pengerusi bersama Biro Jawatankuasa Persediaan:

Diego Aulestia (Ecuador)
María de los Ángeles Duarte (Ecuador)¹
Maryse Gautier (Perancis);

Serta anggota-anggota Biro Jawatankuasa Persediaan yang lain:

Eric Miangar (Chad)
Barbara Richards (Chile)
Jaime Silva (Chile)²
Daniela Grabmüllerová (Republik Czech)
Tania Roediger-Vorwerk (Jerman)

¹ Dipilih pada mesyuarat pleno pertama, sesi kedua Jawatankuasa Persediaan Habitat III pada 14 April 2015 bagi menggantikan Diego Aulestia (Ecuador)

² Dipilih pada mesyuarat pleno pertama, sesi kedua Jawatankuasa Persediaan Habitat III pada 14 April 2015 bagi menggantikan Barbara Richards (Chile)

Csaba Kőrösi (Hungary)
 Purnomo A. Chandra (Indonesia)
 Mamadou Mbodj (Senegal) (juga dilantik sebagai pelapor)
 Elena Szolgayova (Slovakia)³
 Majid Hasan Al-Suwaidi (Emiriah Arab Bersatu);

Pemudah cara bersama rundingan tidak rasmi antara kerajaan Agenda Perbandaran Baharu, Lourdes Ortiz Yparraguirre, Wakil Tetap Republik Filipina ke Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, dan Juan José Gómez Camacho, Wakil Tetap Mexico ke Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu dan wakilnya, Damaso Luna Corona, yang komitmen dan dedikasinya telah membolehkan persetujuan mengenai Agenda Perbandaran Baharu sebelum Persidangan Habitat III di Quito;

Semua delegasi negara anggota dan pertubuhan antara kerajaan yang mengambil bahagian dalam rundingan membina konsensus Agenda Perbandaran Baharu, terutama mereka yang terlibat dalam kerja-kerja Jawatankuasa Kedua Perhimpunan Agung;

Kerajaan Republik Indonesia dan bandar raya serta penduduk Surabaya kerana menjadi tuan rumah sesi ketiga Jawatankuasa Persediaan Habitat III;

Tuan rumah Mesyuarat Serantau dan Tematik Habitat III yang menerima pakai beberapa deklarasi sebagai sebahagian daripada input rasmi kepada Agenda Perbandaran Baharu. Mesyuarat Serantau terlibat telah dihoskan oleh Jakarta (Indonesia), Prague (Republik Czech), Abuja (Nigeria) dan Toluca (Mexico); dan Mesyuarat Tematik telah dihoskan oleh Tel Aviv (Israel), Montreal (Kanada), Cuenca (Ecuador), Abu Dhabi (Emiriah Arab Bersatu), Bandar Raya Mexico (Mexico), Barcelona (Sepanyol) dan Pretoria (Afrika Selatan);

Pertubuhan peneraju bersama Unit-Unit Dasar Habitat III serta 200 pakar Unit Dasar, kerana berkongsi pengetahuan dan kepakaran tahap tinggi mereka melalui 10 Kertas Dasar yang menghasilkan beberapa cadangan dasar utama mengenai tema khusus yang digunakan sebagai asas bagi Agenda Perbandaran Baharu;

³ Dipilih pada mesyuarat pleno pertama, sesi kedua Jawatankuasa Persediaan Habitat III pada 14 April 2015 bagi menggantikan Csaba Kőrösi (Hungary)

Usaha sukarela semua ahli Perhimpunan Agung Rakan Kongsi (GAP) kerana memberikan pandangan dan input daripada 16 Kumpulan Konstituen Rakan Kongsi semasa keseluruhan proses, dan khususnya 34 ahli Jawatankuasa Eksekutif yang memastikan maklum balas dan keutamaan jutaan orang telah disalurkan ke dalam setiap draf Agenda Perbandaran Baharu dan versi akhirnya;

Pasukan Petugas Global untuk Kerajaan Tempatan dan Wilayah yang memainkan peranan penting dalam menggerakkan pihak berkuasa tempatan dalam proses perundingan untuk Agenda Perbandaran Baharu sebagai mengiktiraf peranan yang berbeza dan penting kerajaan subnasional dan tempatan dalam mentransformasi ruang bandar;

Sistem Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu kerana sokongannya kepada proses Habitat III, terutama anggota Pasukan Petugas Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu mengenai Habitat III, kerana komen dan input mereka kepada draf Agenda Perbandaran Baharu dan sumbangan yang dibuat melalui 22 Kertas Isu;

Jabatan-jabatan Pengurusan Persidangan Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, Jaminan dan Keselamatan, Maklumat Awam dan Pejabat Hal Ehwal Undang-undang untuk semua sokongan teknikal dan prosedur semasa proses antara sesi dan Persidangan itu sendiri; dan akhir sekali,

Sumbangan dan usaha-usaha mereka yang disebutkan di atas, dan ramai lagi yang tidak disebut namanya di sini, yang telah membuatkan perumusan wawasan bersama ini berjaya. Penglibatan aktif semua rakyat, kerajaan dan pihak berkepentingan adalah perlu untuk memastikan pelaksanaan Agenda Perbandaran Baharu dan merealisasikan prinsip-prinsipnya.







United Nations

www.habitat3.org
#NewUrbanAgenda #Habitat3